# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 3 | RABU 21HB JANUARI, 1981. | 1401 رابو 15 ربيع الاول | PERCHUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

### Mempertahankan Kesuchian Islam:

# JAUHKAN DIRI DARI AJARAN YG DI-KUTOK DAN SESAT – Titah

**BANDAR SERI BEGAWAN—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menyeru semua umat Islam di-negeri ini supaya berpegang tegoh kapada ajaran2 ugama Allah dan mempertahankan kesuchian-nya dan berusaha menjauhkan diri dari ajaran2 yang di-kutok dan sesat.**

Umat Islam, titah Baginda, hendak-lah mempertahankan kesuchian ugama Allah dengan mengamalkan sifat2 yang terpuji yang berlandaskan keIslaman yang telah di-tunjokkan oleh Junjongan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Baginda bertitah demikian di-hadapan lebeh dari 30 ribu umat Islam yang berhimpun menyertai perarakan raksaksa sempena memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-langsongkan di-tanah lapang bekas Balai Pulis Lama, di-ibu negeri sini Ahad lepas.

Baginda Yang Dipertuan penoh yakin bahawa dengan ada-nya sifat2 yang sering mematohi ajaran yang di-galakkan oleh ugama Islam, sa-seorang itu akan sentiasa jujor, amanah dan ikhlas dalam menjalankan kewajipan-nya sabagai hamba Allah.

Islam, titah Baginda lagi menyuroh umat Islam sentiasa bersatu padu dan bekerjasama mendokong dan mengusahakan perkara2 yang berkebajikan kerana Allah.

"Ajaran2 ugama Islam juga menyuroh supaya semua warga negara berdiri tegoh dengan ta'at di-bawah pimpinan perentah dan kerajaan-nya dalam usaha kerajaan untok memajukan negara di-atas landasan2 yang di-redhai oleh Allah," titah Baginda.

Menyentoh tentang Maulud Nabi, Baginda bertitah bahawa intisari dari perayaan2 saperti ini ia-lah untok menegohkan lagi iman kita kapada Allah serta memperkuatkan lagi takwa kita dalam mematohi dan menta'ati perentah2 Allah dengan chara mengambil chontoh daripada jejak langkah Rasulullah s.a.w.

Di-samping itu, titah Baginda lagi, raayat khusus-nya yang berugama Islam hendak-lah berusaha bergerak ka-arah perpaduan yang di-galakkan oleh ajaran Islam demi untok menjamin kerjasama bagi mendokong dan mengusahakan perkara2 yang berkebajikan.

Thema sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini ia-lah "Berusaha mempertahankan kesuchian Islam." Sambutan yang sama juga telah di-adakan serentak di-lain2 daerah di-negeri ini, Ahad lepas. Dan bagi sambutan di-Bandar Seri Begawan telah di-siarkan sa-chara langsong melalui Talivishen Brunei.

# 50 RIBU UMAT ISLAM SERTAI PERARAKAN MAULUD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 50,000 umat Islam di-seluroh negeri telah keluar untok menyekutukan diri dalam satu perhimpunan dan perarakan raksaksa sempena memperingati Hari Keputeraan Junjongan Besar Nabi Muhammad s.a.w. pada pagi Ahad lepas.

Sambutan itu di-adakan sa-rentak di-seluroh daerah dan perhimpunan dan perarakan yang paling besar ia-lah di-ibu negeri dalam mana lebeh dari 30,000 umat Islam — kechil, besar, tua dan muda telah mengambil bahagian.

Sunggoh pun hujan di-ramalkan turun pada pagi Ahad itu berikutan dengan musim tengkujoh dan hampir seluroh negeri mengalami banjir, ia-nya tidak menjadi penghalang bagi umat Islam beramai2 membesarkan hari yang bersejarah itu.

Akan tetapi, Allah jua yang maha besar, hari yang di-ramalkan hujan itu bertukar menjadi cherah dengan matahari memancharkan sinar-nya dan memunchakkan lagi semangat peserta dengan selawat dan zikir dan sepandok2 yang mengketengahkan keluhoran budi bichara Nabi Besar Muhammad s.a.w., dan hari itu shi'ar Islam kegemilangan-nya di-bumi Brunei Darussalam.

Perarakan mengelilingi bandar ada-lah merupakan achara kemunchak bagi perayaan menyambut Hari Keputeraan Junjongan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Perarakan yang di-adakan sa-rentak di-seluroh daerah di-negeri ini Ahad lalu telah bermula dengan perhimpunan raksaksa yang di-sisipi dengan ator2-chara yang telah di-susun oleh ahli2 jawatankuasa di-daerah masing2.

Lihat muka 22

### Manis-nya Iman

SAYIDATUNA 'Aishah (radhiallahu 'anha) meriwayatkan: Ada-lah Rasulullah s.a.w. apabila melihat perkara yang di-sukai-nya Baginda pun menguchapkan: "Alhamdulillah — yang kerana nikmat-Nya jua sempurna-lah perkara2 yang baik." Dan apabila melihat perkara yang tidak di-sukai-nya Baginda menguchapkan pula: "Alhamdulillah — bagaimana pun jua hal-nya."—HADITH Nabi di-petek oleh Ibnu Majah dan Ibnu Sunni.

## *Berhati2 dari ajaran yang menggugat kesuchian Islam*

**BANDAR SERI BEGAWAN.—Umat Islam di-negeri ini telah di-ingatkan supaya perlu sedar dan berhati-hati tentang ada-nya ajaran2 sesat yang ingin mengganggu gugat kesuchian Ugama Islam yang di-usahakan oleh orang atau orang2 yang bukan berugama Islam.**

Demikian ingatan yang di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika beruchap di-perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Ahad lepas.

Yang Berhormat Pehin Pengetua sa-terus-nya berkata, bahawa ajaran2 tersebut di-sebarkan ada di-antara-nya melalui orang2 Islam sendiri untok di-jadikan bagi tujuan untok menentang dan meruntohkan ajaran2 Islam.

Jadi-nya, tegas Yang Berhormat, jika berlaku kekechohan di-dalam masharakat Islam sendiri mengenai dengan ada-nya ajaran2 sesat itu, maka akan terbuang-lah masa dan tenaga serta fikiran orang2 Islam khas-nya pemimpin2 kerana di-sebabkan menghadapi masaalah2 yang sa-demikian, dan tertinggal atau kurang-lah perhatian mereka terhadap masaalah2 ekonomi, sosial, pelajaran, dan kebangkitan Ugama Islam.

Dengan hal itu, tegas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, chita2 musoh Islam, sa-bahagian-nya akan terlaksana dan yang menanggong rugi ia-lah umat dan masharakat Islam itu sendiri.

Sebab itu-lah, jelas Yang Berhormat itu lagi, thema sambutan pada tahun ini berbunyi 'Berazam mempertahankan kesuchian Islam' yang khusus bertujuan menekankan betapa perlu-nya bagi kaum muslimin di-negeri ini supaya bersunggoh2 untok mengetahui dan mengenali dengan sa-benar-nya ajaran Islam yang mereka anuti khas-nya dari segi keolahan dan perbuatan, dan supaya mereka sentiasa bersedia untok mempertahankan dan memperjuangkan Ugama Islam itu daripada sa-barang anasir2 yang ingin menchemarkan atau yang chuba menchampor adukkan-nya dengan ajaran2 yang salah.



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Md Zain.

Thema sa-umpama itu, tambah Yang Berhormat Pehin Pengetua, amat-lah mustahak di-fahami dan di-resapkan di-sa-tiap jiwa umat Islam di-negeri ini bagi maksud supaya Negeri Brunei akan sentiasa tegak dengan sifat2 Darussalam, aman sejahtera di-redhai oleh Allah s.w.t. sa-panjang masa.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

21HB JANUARI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# ISTIHAR MEMERANGI AJARAN SESAT

SEMPENA sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang di-adakan serentak di-seluroh negeri pada hari Ahad lepas yang berthemakan "Berazam Mempertahankan Kesuchian Islam" telah membawa kita, selaku Umat Islam yang menyedari hakikat Islam yang sa-benar-nya, untok membukakan pemikiran kita sa-matang yang mungkin mengenai dengan beberapa gejala yang memungkinkan ajaran2 Islam itu terjejas.

Tetamu2 khas dalam sambutan2 serentak itu menyuarakan kebimbangan2 tentang kemungkinan2 penchabulan dan penyelewengan terhadap langkah2 positif negara mengutamakan ajaran2 Islam sa-bagai panduan dan chara hidup yang di-harap dapat di-praktikkan menurut lunas2 yang betul dan sesuai dengan ajaran2 Islam itu.

Antara yang di-ketarakan yang ajaran2 Islam itu telah di-selewengkan dan di-chabuli ia-lah berikutan dengan terjadi-nya kegiatan menyibarkan ajaran2 sesat di-negeri ini. Hal ini-lah yang antara-nya mendapat perhatian yang sunggoh2 dan di-suarakan supaya di-perangi seberapa daya yang dapat.

Dalam titah ka-seluroh negara sempena sambutan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menjelaskan kedudokan ajaran2 Ugama Islam yang di-amalkan di-Brunei yang di-titahkan Baginda ada-lah menurut mazhab ahli sunnah wal-jemaah yang tidak berchampor adok dengan ajaran2 lain yang bertentangan dengan-nya. Baginda menitahkan orang2 Islam di-negeri ini supaya senantiasa berwaspada pada menjauhkan diri dari ajaran yang salah — ajaran2 yang di-kutok dan sesat. Baginda menyeru Umat Islam di-Brunei supaya berpegang tegoh kapada ajaran2 Ugama Islam dan mempertahankan kesuchian Ugama Islam bukan hanya dengan kata2 bahkan hendak-lah di-amalkan dengan perbuatan dan niat yang baik dan dengan yang demikian mudah2an akan menjadikan Umat Islam di-Negeri Brunei ini sa-bagai umat Nabi Muhammad s.a.w. yang jujor lagi setia serta senantiasa menjunjong ajaran2 Allah — yakni Al-Kor'an.

Di-Daerah Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah, Pengiran Anak Haji Abdul Aziz di-samping menyentoh perkara yang sama telah juga mengingatkan tentang kemungkinan2 ada-nya golongan yang senghaja mengambil kesempatan untok kepentingan diri sendiri dengan mempergunakan dua unsor penting yang terdapat di-Brunei ia-itu kuat-nya kedudokan Islam dan kemewahan negara. Yang Amat Mulia itu mengingatkan supaya di-tingkatkan sikap lebeh berhati2 terhadap satiap apa yang datang dari luar yang tidak di-ketahui latar-belakang-nya. Menurut-nya, negara akan mengalami kerugian yang di-akibatkan oleh kesilapan2 atau perangai terburu2 dalam menerima perkara ini dengan tiada pertimbangan wajar atau penyiasatan rapi.

Maka apa yang jelas ia-lah betapa kita memerlukan sikap berwaspada itu demi kepentingan kesuchian Islam dan demi kepentingan unsor2 yang menghidup-suborkan bangsa dan negara yang kita kasehi ini, dan tanpa kukoh-nya sikap berwaspada itu, berma'ana kerugian bakal di-terima.

## Berzikir Maulud warisan kita:

# MENGINGAT JUNJONGAN, MENCHARI PETUNJOK DAN MENGHALANG MAKSIAT



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein ketika beruchap di-majlis tersebut.

SEBENAR-NYA kita umat Islam hari ini memang-lah sayugia-nya memperingati dan membesarkan hari Maulud pemimpin agong kita Nabi Muhammad s.a.w. ia-itu sa-lain dari Baginda sa-bagai Pesuroh Allah, Baginda juga ada-lah sa-bagai sa-orang pemimpin umat manusia yang tidak ada tolok bandingan-nya kerana telah dapat merubah keadaan kehidupan umat manusia dan di-mana keupayaan dan kewibaan Baginda sa-bagai pemimpin umat manusia itu, tidak siapa yang dapat memungkiri-nya baik musuh, lawan atau pun rakan.

Oleh yang demikian, usaha yang di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam ini pada menyambut dan membesarkan Maulud-nya Nabi Muhammad s.a.w. dengan majlis berzikir sa-lama 12 malam berturut2 sa-bagaimana yang saya di-fahamkan, ada-lah merupakan satu usaha yang sangat2 berfaedah lagi berkebajikan di-samping ia-nya dapat menyatakan betapa penghargaan dan kenangan kita terhadap budi dan jasa2 Nabi kita Muhammad s.a.w. yang telah menyinari hidup kita dengan Nur Islam.

Di-samping itu, sa-bagaimana yang saya di-fahamkan juga bahawa yang menyertai majlis berzikir sa-lama 12 malam berturut2 ini ada-lah terdiri dari pendudok2 kampong dan kakitangan Jabatan2 Kerajaan. Sebenar-nya penglibatan di-dalam usaha2 yang berkebajikan saperti ini terutama di-kalangan belia dan jenerasi muda kita patut-lah di-galakkan dan di-teruskan dari semasa ka-semasa.

Di-samping itu patut-lah juga jenerasi dan belia2 kita hari ini mempelajari Zikir Maulud ini bagi menyambong warisan orang2 tua kita zaman dahulu kala walau pun ia-nya suatu perkara yang tidak wajib saperti mana mempelajari bachaan Al-Kor'an. Di-samping ia-nya dapat menghidupkan warisan orang tua kita bahkan ia-nya dapat memenohkan masa2 lapang kaum belia2 khas daripada ia-nya di-gunakan pada kegiatan2 yang tidak mendatangkan faedah, terutama dari terlibat kapada kegiatan2 liar dan kegiatan2 yang merosakkan diri kaum belia itu sendiri apa tah lagi yang boleh merosakkan dan menggangu ketenteraman dan keamanan negara saperti mana kaum2 belia di-negara2 maju yang tidak tahu hendak mengisikan dan menggunakan masa2 lapang mereka lalu mereka menggunakan pada kegiatan2 liar dan jahat saperti memasokki kumpolan pengedar dadah dan sebagai-nya, yang mana akibat-nya itu boleh merosakkan akhlak dan diri mereka sendiri.

Oleh yang demikian, sa-belum-nya penyakit masharakat yang sa-demikian itu merebak ka-negara kita ini, maka golongan belia2 dan jenerasi muda kita hendak-lah menghindarkan diri daripada pengaroh2 dan falsafah hidup yang di-buat oleh golongan belia2 di-negara2 maju itu, bahkan ada baik-nya masa lapang belia2 itu di-isikan dengan kegiatan2 saperti mempelajari Zikir Maulud dan sa-bagai-nya yang dapat mendatangkan kebajikan dan faedah kapada diri belia2, masharakat dan negara.

Bersempena kita menyambut dan meraikan Maulud-nya Nabi kita Muhammad s.a.w. ini maka saya di-sini ingin menyeru supaya kita pendudok2 negeri ini khas-nya yang berugama Islam supaya mengambil faedah dari sambutan yang kita adakan ini supaya ia-nya boleh lebeh bererti dan berkesan terutama dengan mengambil chontoh dan tauladan dari sikap dan peribadi Rasulullah dan sahabat2 Baginda ketika mula hendak mendirikan sa-buah negara Islam di-Kota Madinah untok menjadikan lambang bagi mewujudkan dan keagongan umat Islam sa-bagai satu umat yang merdeka, bebas dan mempunyai chara hidup yang penoh bersistem dan terator dengan berpandukan Al-Kor'an dan Hadith2 Rasulullah.

Di-mana Rasulullah dan para sahabat Baginda telah mengorbankan dan mengenepikan segala kepentingan masing2 serta berusaha tanpa mengenal susah dan payah di-dalam mengatasi dan menyelesaikan sa-tiap masa'alah dan kekurangan2 baik sa-chara kolektip mau pun individu demi mengujudkan sa-buah negara Islam yang berdaulat dan penoh kemerdekaan.

Oleh itu bersempena negara kita di-ambang menchapai kemerdekaan yang penoh, maka kita umat Islam khas-nya hendak-lah mengambil chontoh dan tauladan dari sikap dan pengorbanan yang di-tunjokkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat2 Baginda itu, kerana dengan ada-nya sikap dan pengorbanan yang saperti itu-lah yang dapat menjamin kedaulatan kemerdekaan yang akan kita chapai nanti.



MAJLIS penutop zikir sempena Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan yang telah di-langsongkan malam Sabtu lepas.

Lebeh 500 orang telah hadhir di-majlis tersebut. Penutop rasmi majlis itu telah di-lakukan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

# JAUHI TABI'AT YANG TIDAK AMANAH

JALAN MUARA. — Rekrut Pulis telah di-ingatkan supaya jangan menyalahgunakan kuasa2 yang telah di-amanahkan kapada mereka dan men-jauhi tabi'at yang tidak amanah.

Ini telah di-tekankan oleh Dato Haji Ismail bin Pehin Dato Pekerma De-wa Haji Abdul Rahim, Pemangku Penolong Pe-surohjaya Pulis Diraja Brunei di-majlis perbaris-an tamat latehan bagi 29 orang rekrut pulis bertem-pat di-Pusat Latehan Pu-lis Diraja Brunei di-sini Sabtu lalu.

Rekrut2 tersebut telah mula menjalani latehan pada 6hb Julai tahun le-pas dan sa-panjang kur-sus berjalan mereka telah pun di-lengkapkan dengan didekan2 di-dalam juru-san2 undang2 dan tugas2 am pulis. Di-samping itu mereka juga telah berke-sempatan mempelajari pe-lajaran2 tambahan saperti pertolongan chemas, bere-nang, latehan judo dan menyelamat jiwa.

Dato Haji Ismail sete-rus-nya menjelaskan yang sa-bagai sa-orang anggota pasokan keselamatan yang telah di-bebankan dengan tanggong-jawab dalam mengekalkan keamanan, ketenteraman serta ke-sejahteraan Negeri Brunei, mereka mesti-lah gigih da-lam menjalankan tugas2 mereka.

"Awang2 di-anggapkan sa-bagai tiang sandaran bila2 masa orang ramai dalam kesulitan. Dalam menjalankan tugas, Awg2 mesti-lah sentiasa chekap, chergas, patoh dan hormat kapada undang2, perator-an2 dari ketua2 Awang2, berbakti kapada negara dan menumpukan taat se-tia kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Awang2 ada-lah di-amanahkan dengan kua-sa2 untok menguatkuasa-kan undang2 dan atoran negeri, dari itu jangan-lah Awang2 menyalahguna-kan amanah masharakat ini. Jauhi-lah tabi'at yang tidak amanah saperti kata perumpamaan "harapkan pagar, pagar makan padi," jelas Dato Haji Ismail lagi.

Pada masa ini, menurut beliau, maseh ada sa-bilangan kechil anasir2 yang ingin mengancham keamanan dan ketentera-man Negeri Brunei, yang ingin melihat kachau bilau di-negeri ini, tetapi insha Allah, dengan kerjasama orang ramai serta kegigih-an anggota2 pulis dalam menjalankan tugas me-reka, keadaan yang kita nikmati sekarang tetap ter-jamin.



REKRUT 1634 Awangku Daud bin Pengiran Ibrahim, sedang menerima hadiah dari Pe-mangku Penolong Pesurohjaya Pulis Diraja, Dato Haji Ismail bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, sa-bagai rekrut yang terbaik dalam semua jurusan.

## Pegawai2 Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pegawai2 dari Jabatan Pengangkutan Da-rat telah berada di-Daerah Temburong, sa-lama tiga hari mulai semalam. Me-reka yang berkenaan dan berhajat untok menjalani ujian memandu dan mem-baharui lesen boleh-lah menghubongi pegawai2 tersebut di-Pejabat Da-erah, Pekan Bangar sa-masa waktu bekerja.

Jabatan tersebut juga mengumomkan bahawa pegawai2-nya yang di-jadualkan berada di-Dae-rah Tutong pada hari Se-lasa (semalam) telah di-tunda kapada hari Sabtu ini.

## Pengambilan rekrut2 Pulis Wanita di-empat daerah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mempelawa wanita2 untok berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota Pulis Wanita.

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia dan lulus tidak kurang dari darjah enam Melayu atau Inggeris. Ber-umor di-antara 18 hingga 28 tahun dan maseh bu-jang. Tinggi tidak kurang dari 5 kaki tidak berkasut, dada 31 inchi biasa, tidak memakai kacha mata dan tegap, sehat dan tidak ada chachat pada anggota.

Pemohon2 yang berjaya akan memulakan latehan asas di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara pada 22hb Februari. Latehan2 akan berakhir dalam bu-lan Ogos 1981.

Rombongan2 pengam-bilan rekrut2 akan berada di-tempat2 dan tarikh sa-perti berikut:—

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 26hb dan 27hb Januari dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang; di-Balai Pulis Tu-tong pada 28hb Januari dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 petang hingga 4.00 petang; di-Balai Pulis Kuala Belait/Seria pada 29hb Januari dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan di-Balai Pulis Temburong pada 31hb Januari dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sementara itu pada 2hb dan 3hb Februari pe-ngambilan rekrut2 sa-kali lagi akan berada di-Balai Polis Bandar Seri Bega-wan.

## Wang Shiling Keluaran Khas maseh boleh di-beli

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-jumlah kechil wang2 shiling dari keluar-an khas yang lalu maseh ada untok di-jual.

Wang2 shiling $50 (Pe-rak peruf) bagi memper-ingati tahun Hijrah 1400 di-simpan dalam kotak ha-diah berserta dengan sijil pengeluaran. Wang shiling ini berharga $110.

Wang2 shiling peruf 1979 (1 sen-$1) yang di-simpan di-dalam kotak plastik yang berharga $60.00 dan wang2 shiling jenis chontoh 1970 1 sen-50 sen di-simpan dalam kotak hadiah yang berharga $18.50.

Wang2 shiling tersebut boleh di-beli dari Pejabat Lembaga Matawang Bru-nei Tingkat Bawah, Ba-ngunan Setia Usaha Kera-jaan di-sini pada tiap2 hari waktu bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari 2.00 petang hing-ga 3.30 petang.

## SUK melawat mangsa banjir di-pendalaman Belait





KEJADIAN hujan lebat yang menimpa banyak ka-wasan di-negeri ini bukan sahaja menyebabkan banjir malah juga mengakibatkan tanah runtoh yang menjadi-kan keadaan kian terjejas di-beberapa bahagian daerah ini.

Antara kawasan yang paling terok di-landa oleh ke-adaan tersebut ia-lah Labi, Daerah Belait di-mana satu kejadian tanah runtoh telah menjadikan jalan-raya tidak boleh di-lalui.

Sa-baik sahaja kejadian di-laporkan, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang di-iringkan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pegawai Daerah Belait Pengiran Idris bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad dan Ketua Pegawai Pene-rangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah melawat ka-tempat tersebut (gambar atas). Sementara (atas sekali) Yang Berhormat Pehin bersama Pegawai Daerah ketika di-Balai Pulis Labi sa-belum berangkat ka-tempat itu. Kerana keadaan ter-sebut Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah ber-tindak membantu mangsa2 yang terlibat dengan menge-jarkan barang2 makanan dan keperluan2 tertentu ter-utama di-kawasan2 pendalaman.

# PERLAWANAN MENEMBAK BATTALIAN PERTAMA DI-BERAKAS KEM

BERAKAS KEM. — Sa-ramai 200 orang anggota Battalian Pertama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menyertai Perlawanan Menembak Tahunan yang bermula pada 12hb. Januari lalu, bertempat di-Padang Tembak di-Perkhemahan Berakas.

Sa-banyak sembilan perlawanan telah di-adakan, ia-itu M16, Section Match, Heavy Barrel, Snap Match, Pistol, Colt Commando, terbaik perseorangan, Platoon terbaik dan Kompeni terbaik.

Perlawanan selama empat hari itu telah berakhir pada Khamis lalu, 15hb. Januari, dengan satu upachara penyampaian hadiah oleh Pegawai Pemerintah, Lt. Kolonel Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Dato Haji Mahdini.

Kompeni terbaik dalam perlawanan tersebut ia-lah 'A' Kompeni, yang di-ketuai oleh Kpt. Mahmud bin Haji Ya'akub, Pemangku Pegawai Memerintah, sementara platon terbaik ia-lah 8 platon dari 'C' Kompeni.

Perlawanan itu ada-lah bertujuan bagi meninggikan taraf menembak anggota2 battalian. Sa-lain dari itu ia-nya juga bertujuan bagi memileh wakil Battalian tersebut ka-perlawanan menembak antara yunit AMDB, yang akan di-adakan pada 28hb. Januari hingga 6hb. Februari depan di-Padang Tembak Binturan di-Daerah Tutong.

Ada-lah juga di-fahamkan yang pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan menghantar wakil-nya ka-Perlawanan Menembak yang akan di-adakan di-Hongkong dalam bulan Mach depan dan di-Bisley dalam bulan Julai tahun ini.

Sementara itu, Perlawanan Menembak bagi anggota2 Battalian Kedua juga telah di-adakan selama beberapa hari di-tempat tersebut telah juga berakhir petang Juma'at lalu dengan satu upachara penyampaian hadiah kapada pemenang2.



KELIHATAN anggota AMDB yang mengambil bahagian dalam perlawanan 'Menjatohkan Piring Besi', satu2-nya perlawanan yang paling menarek.



KELIHATAN Pegawai Pemerentah, Lt Kol Pehin Orang Kaya Laila Perkasa, Dato Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir (membelakangi kamera) sedang menyampaikan hadiah Platoon terbaik kapada wakil 8 Platoon 'C' Kompeni.

## Ibusawat baharu bagi Daerah Tutong

"IBUSAWAT Tailpon yang baharu bagi kegunaan kawasan Pekan Tutong akan mula di-gunakan pada jam 11.30 pagi hari Sabtu 24hb Januari 1981. Semua angka2 talipon di-Tutong akan di-tukar mengikut peratoran2 yang berikut:—

Tiga angka yang di-gunakan pada masa ini bagi talipon2 di-Tutong akan di-tambah menjadi 5 angka dengan menempatkan bilangan 21 di-hadapan angka2 yang ada pada masa ini.

**Peringatan :** Walau bagaimana berikut ia-lah angka2 yang di-kechualikan daripada peratoran2 yang di-maksudkan di-atas.

| PELANGGAN2 | SEKARANG | BARU |
|---|---|---|
| Nama | Bilangan | Bilangan |
| AMDB | 381 hingga 385 | 22021 hingga 22025 |
| PERUBATAN | 482 | 21011 |
| DAERAH | 491 hingga 495 | 22491 hingga 22495 |
| TALIKOM | 501 hingga 503 | 21601 hingga 21603 |
| PERTANIAN | 572 hingga 574 | 21672 hingga 21674 |
| AMDB (Sittang Camp) | 244 dan 250 | 21041 dan 21042 |
| BOMBA | 275 | 22001 |
| J K R | 227 | 22471 |
| S U K | 568 | 21681 |

Kod2 yang di-gunakan oleh pelanggan2 seluroh negeri bagi panggilan2 daripada atau kapada Ibusawat Tutong ada-lah tidak berubah.

Bilangan2 Talipon yang baharu bagi pelanggan2 di-Tutong akan di-keluarkan di-dalam buku Panduan Talipan Tahun 1981 yang mana akan di-terbitkan pada bulan April tahun ini.

## *Konsul Agong Peranchis lawat Brunei*

**KELIHATAN Konsul Agong Peranchis di-Hongkong, Monsieur G. Egal (bawah) ketika mengadakan lawatan ka-Muzium dalam rangka lawatan-nya ka-Brunei baru2 ini.**

**Sa-masa di-Brunei, Monsieur Egal telah mengunjongi Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan mengadakan rundingan2 dengan pegawai2 kanan kerajaan.**

**Dalam rundingan2 tersebut, Konsul Agong Peranchis itu menjelaskan untok membantu masaalah kekurangan guru2 yang berkelayakan serta bersedia bekerjasama di-bidang teknikal dan menggalakkan raayat di-negeri ini bagi mengikuti berbagai latehan teknikal di-Peranchis.**



## Ranchangan permainan kanak2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjorkan beberapa ranchangan permainan untok kanak2 yang berumor dua belas tahun ka-bawah bagi Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

Di-mulakan di-Kuala Belait, Ahad lepas jam 2.30 petang sementara pada Ahad depan akan di-adakan di-chawangan Seria jam 9.30 pagi; sementara di-chawangan Tutong dan Temburong pada pukol 2.30 petang hari tersebut.

## Penjualan setem2 baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Pos Brunei, telah memulakan penjualan setem2 baru dan sampul surat hari pertama, Ahad lepas. Hari tersebut merupakan satu hari yang paling sebok bagi penggumpul2 setem.

Setem2 tersebut berharga 50 sen, 30 sen, 20 sen dan 10 sen; di-hiasi dengan gambar Diraja alat2 kebesaran Diraja Brunei.

Penjualan setem2 baru dan sampul surat hari pertama itu serentak dengan penggunaan lenchana baru bagi jabatan tersebut.

## Pertunjokan amal anjoran PBKAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — PERSATUAN Bola Keranjang Amatur Bandar Seri Begawan, baru2 ini telah mengadakan satu Pertunjokan Amal bertempat di-Pusat Belia di-Ibu Negeri.

Pertunjokan yang di-sertai oleh artis2 tempatan itu di-taja oleh Sharikat TDK, dan bertujuan bagi mengutip wang untok tabong persatuan itu.

Sementara itu, Persatuan Kerjasama Kampong Belais dan Buda2 akan mengadakan satu Mashuarat Agong Tahunan-nya pada 23hb. Januari depan, bertempat di-Balai Masharakat di-kawasan tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi.

Semua ahli2 persatuan tersebut ada-lah di-jemput untok menghadhiri-nya.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 21HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 THE NEW SHMOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
6.30 DR WHO — "The Pirate Planet" Ep. 3
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 DR WHO — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "No More Mr Nice Guy" Bhg. 1
Memulakan siri terbaru DALLAS yang membongkar misteri: "Siapa-kah menembak J.R.."
7.46 AZAN ISHA
7.50 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 THE WAR YEARS — "Korea"
9.50 TAYANGAN GAMBAR TV: "The Strange Possession of Mrs Oliver" Di-bintangi oleh Karen Black, George Hamilton, Robert F. Lyons dan lain2.
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 22HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.30 THE TOMORROW PEOPLE — "The Vanishing Earth" Bhg. 1
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BEULAH LAND
7.46 AZAN ISHA
7.50 BEULAH LAND — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 WKRP IN CINCINNATI — "Put Up or Shut Up"
Jelak dengan kegatalan Herb, Jannifer mengambil tindakan.
10.10 FROM HERE TO ETERNITY — "The Departure"
11.00 BIG VALLEY
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 23HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE "Chimpmates" episod 5
5.30 KID POWER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BIGFOOT AND WILDBOY — "Spy From The Sky"
6.30 THE MUPPETS
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MONTE CARLO SHOW
7.46 AZAN ISHA
7.50 THE MONTE CARLO SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 ZAINI DAN GILLEN SHOW
9.10 SOAP — Episod 5
9.40 THE GOLDEN CUP
11.10 HAWAII FIVE 'O' — "A Capital Crime"
Sa-orang tua 71 tahun mengugut untok meletupkan diri dan orang2 tebusan-nya jika kehendak-nya tidak diperturut.
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 24HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MERRY MELODIES —
Katun animasi mempaparkan di-antara-nya Speedy Gonzales dan Daffy Duck.
6.30 BEWITCHED "Samantha's Pet Warlock"
Ahli sihir Ashley Fynn chuba mengganggu Samantha tetapi menolong Darrin pula memperoleh sa-orang pelanggan.
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FOUNDATION
7.46 AZAN ISHA
7.50 THE FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Liku Liku Panas-nya Chinta"
11.10 CITIES: Melina Mercouri's "Athens"
Mengajak awda menjelajah sa-buah kota tertua di-Eropah, ia-itu Kota Athens, di-Greece.
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 25HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HOW SXIV Ep. 2
5.30 CAPTAIN CAVEMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES — "The Glitterball"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE DUKES OF HAZZARD
7.46 AZAN ISHA
7.50 DUKES OF HAZZARD — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 GEORGE AND MILDRED — "No Business Like Show Business"
9.00 INI-LAH LAGU-KU
9.30 BACKSTAIRS AT THE WHITE-HOUSE — Ep. 1
Mempaparkan kehidupan beberapa keluarga Presiden2 Amerika di-antara tahun 1909-1961 saperti yang di-saksikan oleh dua orang anak beranak yang pernah bekerja sa-bagai pembantu rumah (maids) di-White House, rumah kediaman rasmi presiden2 Amerika.
10.20 ARMCHAIR THRILLER — "A Dog's Ransom" Bhg. 5
10.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 26HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SUPER 7
5.30 WORZEL GUMMIDGE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 HERE'S BOOMER — "Tell 'em Boomer Sent You"
6.30 JASON OF STAR COMMAND "Beyond The Stars!"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 JASON OF STAR COMMAND— sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.47 AZAN ISHA
7.51 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 THE ROAD TO WEMBLEY
9.50 LIFE ON EARTH — "The Swarming Hordes"
Peralehan tumboh2an dari lautan kadaratan 400 juta tahun dahulu — telah di-ikuti sama oleh serangga2.
10.40 PATROL BOAT — "My Dad's A Sailor"
Kapada Ken Johnston perchutian di-Sydney lebeh banyak mendukakan dari menggembirakan.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 27HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANGE HILL
6.30 THE JACKSONS
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 THE JACKSONS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT K21
7.47 AZAN ISHA
7.51 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 ARENA SOKAN
9.10 TAYANGAN GAMBAR — "The Incredible Journey of Dr Meg Laurel"
Pelakun2: Lindsay Wagner, Jane Wyman, Dorothy McGuire, Andrew Duggan.
11.10 BILLY BIAR
11.40 SIARAN TAMAT.



# MUTIKA '81 PESERTA2 SUKU AKHIR KETIGA

PERTANDINGAN 'MUTIKA 1981' perengkat suku akhir ranchangan ketiga akan di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Ahad 25hb Januari, 1981. Sa-ramai lapan orang peserta lagi akan bertanding dalam keluaran minggu ini. Mereka ia-lah : —


Sabtu Abdul Rahman (23)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Kenangan Lalu'


Ramai Yar (20)
Peserta Daerah Tutong
Lagu : 'Fatwa Pujangga'


Ismail Rendah (27)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Madah Pujangga'


Khadijah Haji Mohd Husain (18)
Peserta Daerah Belait
Lagu : 'Harapan Ku'


Haji Mustapa Mohd. Yussof (21)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Bukan Mimpi'


Ng Yuk Moi (20)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Semurni Ibu'


Ak Hidup Pg Omar (25)
Peserta Daerah Tutong
Lagu : 'Jangan Termenong'


Ak Haji Mohd Tali Pg Haji Matsauddin (22)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Lambaian Tangan Mu Yang Terakhir'


ELLIE Ewing (Barbara De Gedas) dan Jock Ewing (Tim Davis) kelihatan sedang berbinchang dalam episod 'No More Mr Nice Guy' ia-itu bahagian pertama dari siri terbaru Dallas yang bermula hari ini jam 7.15 malam. Siri ini memberi jawapan kapada soalan : "Siapa-kah menambak J.R.?"


IKUTI-LAH tayangan gambar minggu ini yang bertajok 'The Strange Possession of Mrs Oliver yang di-bintangi oleh Karen Black dan George Hamilton serta Robert F. Lyons, pada malam ini jam 9.40 malam.


VICTOR Bruno dan Julie Harris sa-bagai Presiden dan Mrs Wm Howard Taft dalam siri baru 'Backstairs At The White House'. Siaran-nya akan dapat awda ikuti yang bermula Isnin depan jam 9.30 malam.

intisari RTB minggu ini

## Kursus Bengkel



RADIO
sekali
kanal2
antara
hun
Bengk
mana
bermal
depan

Kurs
oleh B
lah
bermai
musik
silap
tentang
gelikan
minit

Baj
nanti
ingatla
jokkan
ra se
sa-chi
atau

Lat
yang
mulai
April
bulan
akan
kump
pertu
sedia
menja
tidak
tetap
sudah
tv, b
tutan

Un
pada

# KURSUS TIGA HARI BAGI KAKITANGAN2 PERKHIDMATAN DIPLOMATIK

KUALA BELAIT. — Sa-ramai lapan orang pegawai2 daripada Jabatan Perkhidmatan Diplomatik Kerajaan telah mengakhiri kursus suai-kenal yang mereka ikuti sa-lama tiga hari pada hari Jumaat minggu lepas.

Kursus yang merupakan kali pertama-nya di-adakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada tahun ini bermula pada hari Rabu dan bertempat di-Pusat Penerangan sharikat tersebut.

Mengalu2kan ketibaan para peserta dan sa-terus-nya memberikan penerangan berkenaan dengan penglibatan sharikat2 The Royal Dutch/Shell Group Companies di-dalam perindustrian minyak di-Brunei pada hari pertama kursus tersebut ia-lah Pengarah Urusan sharikat tersebut, Awang Peter Everett.

Para peserta kursus terdiri daripada Awang Jeffery Ling, Awang Ahmad bin Dato Matnor, Awang Yusof bin Haji Abdul Hamid, Awang Hazair Hj. Abdullah, Ak Mashor bin Pg Ahmad, Awang Serbini bin Ali, Dayang Lim See Soon, dan Kol R. Mathews.

Dalam rangka kursus tersebut mereka telah juga berkesempatan melihat tayangan2 gambar yang bersangkutan dengan perindustrian minyak di-negara kita ini, mendengarkan penerangan2 mengenai dengan kakitangan2 sharikat, sejarah Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan sa-terus-nya di-bawa melawat ka-Pusat Latehan Teknikal sharikat, Loji LNG di-Lumut, ka-pelantar2 luarpantai yang terdapat di-sini.




KELIHATAN Awang Peter Everett memberikan penerangan kapada para peserta di-hari pertama kursus tersebut.

## Tarikh tutop di-tunda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh bagi penerimaan penyertaan pertandingan novel sempena kemerdekaan anjoran Persatuan Sasterawan dan sasterawani Brunei (Asterawani) telah di-lanjutkan sa-hingga Selasa, 31hb Mach depan.

Demikian di-umomkan oleh Awang Haji Abdul Rahman Yusof, Setiausaha I persatuan tersebut baru2 ini. Tarikh tutop penerimaan penyertaan sa-belum ini di-jadualkan pada 1hb Januari lalu.

Penangguhan ini, menurut Awang Haji Abdul Rahman ada-lah untok memberikan masa yang lebeh panjang kapada penulis2 tempatan menyempurnakan karya2 mereka di-samping mempelawa banyak lagi penyertaan2 lain.

Asterawani setakat ini telah menerima tujoh penyertaan daripada penulis2 tempatan.

Sementara itu satu lagi aktiviti Asterawani akan berlangsong pada 27 dan 28hb Februari ini. Projek yang akan di-adakan pada hari tersebut ada-lah merupakan satu bengkel yang bersangkutan dengan penulisan novel dan drama.

Osman Awang dan Din sma dari Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur di-jangka hadhir dan seterus-nya menyampaikan cheramah.

Para penulis terutama ahli2 Asterawani yang berniat untok mengikuti bengkel ini boleh-lah menghubongi Awang Haji Abdul Rahman Yusof di-Dewan Bahasa dan Pustaka atau pun menulis ka-Peti Surat 434, Bandar Seri Begawan tidak lewat daripada 10hb Februari.

Sementara itu, Karya—majallah Asterawani kini sudah mula di-jual dengan harga $2.00 sa-naskah. Mereka yang berniat untok mendapatkan-nya boleh-lah menghubongi Awg Haji Abdul Rahman di-tempat yang telah di-nyatakan.

## Pertandingan menembak

BERAKAS. — Sa-ramai 41 orang anggota Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei kini sedang berada di-Republik Singapura bagi menghadhiri satu pertandingan menembak bertempat di-Nee Soon Range di-republik itu. Pasokan negeri ini di-ketuai oleh Major Brahim bin Jumaat.

Antara negara2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan sa-lama sa-belas hari itu termasok-lah Brunei, New Zealand, Malaysia dan tuan rumah sendiri. Brunei menyertai pertandingan itu bagi kali kedua-nya.

Dalam pertandingan itu pasokan negeri ini akan menyertai acharaa2 yang menggunakan senapang, pistol, rifle dan menembak sasaran 'plate'.

Mereka telah meninggalkan negeri ini pada hari Khamis lalu dan pertandingan tersebut akan berakhir pada 26hb Januari ini.

## Peraduan deklamasi sajak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan menganjorkan peraduan Deklamasi Sajak yang akan berlangsong pada hari Khamis 5hb. depan bertempat di-Dewan Maktab SOAS di-sini mulai jam 7.00 malam.

Peraduan yang julong2 kali di-anjorkan oleh persatuan itu terbuka kapada sekolah2 menengah dan maktab2 serta persatuan2 belia di-Daerah Brunei dan Muara.

Borang2 permohonan mengenai peraduan itu boleh di-dapati sekarang dari Pengetua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan dan hendak-lah di-kembalikan kapada Awang Abdullah bin Haji Idris, Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong, Brunei atau kapada Awang Abd. Rahman bin Md. Yassin di-Pejabat Radio dan Talivishen, Brunei tidak lewat dari hari Ahad 25hb. Januari, 1981.

## MAS tawarkan perkhidmatan untok Umrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan MAS pada masa ini sedang menawarkan perkhidmatan-nya bagi para jemaah di-negeri ini yang ingin menyertai rombongan Umrah dan ziarah ka-tanah suchi Mekah.

Tawaran perkhidmatan tersebut telah pun bermula sejak awal bulan ini dan telah membuat penerbangan pada 3hb, 10hb, dan 17hb lepas, dan ini akan di-lanjutkan pada 24hb dan 31hb. Januari ini manakala 7hb, 14hb, 21hb dan 28hb Februari dan 7hb, 14hb dan 21hb Mach depan.

Kesemua penerbangan bertolak dari Kuala Lumpur dan bagi jemaah dari Brunei boleh-lah membuat penerbangan ka-Kuala Lumpur sa-belum penerbangan2 yang telah di-tetapkan.

Untok pengetahuan para jemaah yang berhasrat untok menyertai rombongan umrah ini bahawa sewa bagi pembayaran sa-buah bilek berkongsi ia-lah $2,750 dan tambahan bagi bayaran sewa bilek berseorangan ia-lah $255. Bagaimana pun bayaran sewa ini tidak termasok penginapan ketika berada di-Kuala Lumpur.

Sa-lama berada sembilan hari di-tanah suchi berbagai-bagai ranchangan telah di-susun bagi rombongan tersebut yang meliputi dari hari pertama para jemaah bertolak dari Kuala Lumpur.

Para jemaah ketika berada di-tanah suchi sa-lain membuat pekerjaan umrah akan berpeluang juga berziarah ka-tempat2 bersejarah saperti Arafah, Jabal Rahmah (tempat pertemuan antara Adam dan Hawa dan Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu terakhir), ka-Mudzalifah, Mina ia-itu tempat umrah, Jabal Nur serta Gua Hira.

Para Jemaah juga akan berkesempatan berziarah ka-Makam Nabi Muhammad s.a.w., ka-Masjid Quba, ka-Masjid Qiblaitain, ka-tanah perkuboran Baqi dan ka-tempat2 bersejarah yang lain.

## Alat2 menangkap ikan hendak-lah di-lesenkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan mengumomkan bahawa semua alat2 menangkap ikan hendak-lah di-lesenkan bagi tahun 1981. Lesen2 itu hendak-lah di-perolehi sa-chepat mungkin kerana nelayan2 yang menggunakan alat2 yang tidak berlesen sa-lepas tarikh penutopan-nya boleh di-dakwa di-bawah Undang2 Perikanan 1972.

Lesen2 boleh di-dapati daripada Pegawai Melesen Perikanan di-Pejabat Perikanan, Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari Isnin dan Sabtu, di-Pejabat Perikanan, Kuala Belait pada tiap2 hari Selasa, di-Pejabat Perikanan, Tutong pada tiap2 hari Rabu dan di-Steshen Perikanan Muara pada hari Sabtu.

Di-samping itu Pegawai Melesen Perikanan juga akan mengunjongi kampong2 yang berikut:—

Brunei dan Muara: Kampong Sungai Matan, Kampong Batu Marang, Kampong Masjid Lama Muara, Kampong Pulau Baru2 dan Berbunut, Kampong Pasir Jerudong dan Kampong Tungku.

Belait/Seria: Kampong Sungai Teraban dan Kampong Lumut/Sungai Liang. Tutong: Kampong Panjang, Kampong Kuala Tutong dan Kampong Danau.

Tarikh bagi kedatangan Pegawai Melesen Perikanan ka-kampong2 tersebut akan di-ma'alomkan kapada Ketua2 Kampong yang berkenaan.

Penutopan bagi mengambil lesen2 itu ia-lah pada hari khamis 30hb. April, 1981 dan sa-lepas tarikh tersebut lesen2 hanya akan di-keluarkan untok perkakas2 yang baharu sahaja.

# KEADAA[N]
# DI-SA[N]



BAREK JKR, Jalan Bolkiah, Seria, (gambar atas) sementara gambar bawah ia-lah sa-kumpolan padi hanyut, menuju ka-LNG, Lumut.





JALAN Sungai Mau menuju ka-Labi, Daerah Belait. Keadaan dalam salah sa-buah rumah di-Kampong Perpindahan Berakas di-masoki oleh ayer.



HUJAN lebat yang turun tiada berhenti dan di-sertai dengan angin kenchang, menyebabkan beberapa kawasan di-Daerah Belait di-tenggelami oleh ayer.

PELITA di-beritahu bahawa hujan lebat yang turun pada 13hb. Januari lalu, telah menyebabkan beberapa kawasan di-daerah tersebut di-banjiri ayer. Kawasan2 yang terlibat ia-lah Mukim Kuala Balai, Mukim Bukit Sawat, Sukang, Melilas, Kampong Lumut, Kawasan2 Seria dan Kuala Belait serta Mukim Labi.

Mukim Kuala Balai yang jauh-nya kira2 40 minit perjalanan melalui outbot dari Kuala Belait, dan hanya dapat dihubongi melalui outbot dan helikopter ada-lah merupakan mukim yang paling terjejas. PELITA di-fahamkan bahawa ayer di-kebanyakkan kawasan di-mukim tersebut ia-lah tiga hingga empat kaki dari paras lantai dan pendudok2 telah di-angkut ka-Pekan Belait dan menumpang di-rumah saudara2 mereka, dan ada di-antara-nya berpindah buat sementara di-Balai Raya dan Sekolah.

Kawasan2 pendalaman yang kedua terjejas ia-lah Mukim Bukit Sawat dan Sukang. Pendudok2 mukim tersebut terpaksa berpindah ka-kawasan2 yang tinggi.

Hujan lebat dan angin kenchang pada hari itu juga telah menyebabkan tanah runtoh di-beberapa tempat di-seluroh negeri. Kawasan2 yang hampir terjejas ia-lah kawasan di-Steshen Pemanchar Radio dan Taliveshen Brunei di-Andulau dan beberapa kawasan di-Labi.

Lebeh dari satu batu jalan antara Labi dan Bukit Puan telah di-tenggelami oleh ayer, yang tinggi-nya lebeh dari lapan kaki. Jalanraya antara Anduki dan Seria dan antara Seria dan Kuala Belait juga telah di-tenggelami ayer.

Sementara itu, banjir juga telah melanda kawasan2 perkampongan di-Lumut, serta membinasakan tanaman padi dan rumah di-kampong tersebut. Sa-kelompok padi yang hanyut juga telah mengganggu perjalanan kenderaan ka-kawasan LNG di-Lumut.

Awg. Mohd. Daud, sa-orang pendudok di-Kampong Lumut yang berusia 78 tahun memberitahu pehak PELITA bahawa ini ada-lah kali pertama kampong tersebut di-landa oleh banjir.

Sa-lain dari itu, di-daerah Belait, tiga buah kapal telah terkandas akibat angin kenchang.

Daerah Brunei-Muara juga mengalami masaalah yang serupa, di-mana terdapat beberapa tanah runtoh dan seumpama-nya.

Walau pun banjir telah melanda di-kebanyakkan kawasan di-seluroh negeri, Brunei sunggoh bernasib baik kerana tiada kemalangan jiwa yang di-laporkan di-sepanjang musim tersebut. Namun begitu, ia-nya memusnahkan sa-bahagian besar dari harta benda, tanaman dan ternakan.

Berikutan dengan kejadian tersebut, pembekalan ayer ka-Pekan Kuala Belait turut terjejas, kerana paip2 ayer telah pechah.

Di-daerah Brunei-Muara, hujan yang turun pada malam 15hb Januari lalu telah mengakibatkan banjir di-beberapa kawasan di-daerah itu. Kawasan yang paling terok mengalami kejadian itu ia-lah Kampong Perpindahan di-Jalan Berakas. Ia-nya juga memusnahkan beberapa buah rumah di-daerah itu.

Sekali pun keadaan banjir telah reda, orang ramai ada-lah di-ingatkan untok berwaspada, dalam keadaan chuacha burok di-masa ini.









AYER mulai turun di-sepanjang Jalan Kampong Perpindahan, Berakas.

# DYMM BERANGKAT KA-PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULUD





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei telah berangkat bersama2 raayat Baginda dalam perhimpunan sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang di-adakan di-Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lalu.

Keberangkatan Baginda telah di-sambut oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud (gambar kanan).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar kiri). Yang Teramat Mulia Pengiran2 Anak Puteri juga berangkat ka-perhimpunan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah bertitah di-perhimpunan tersebut. Satelah itu Baginda Yang Dipertuan telah berkenan berangkat berchemarduli memereksa barisan2 peserta (gambar kanan) sa-belum peserta2 mula berarak.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran2 Anak Puteri juga telah menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Lebeh dari 30,000 orang umat Islam yang mewakili 130 buah pasokan yang terdiri dari Jabatan2 Kerajaan, sekolah2, dan Maktab2, persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2 dan firma2 telah menyertai perhimpunan yang di-adakan di-kawasan lapang berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin itu.

Lain2 gambar di-ruangan ini menunjokkan suasana dalam sambutan pada hari itu.

















# MAULUD DI-DAERAH TEMBURONG








LEBEH daripada 2,000 orang umat Islam di-Daerah Temburong telah menyertai perarakan dan perhimpunan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong pada hari Ahad, lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah menjadi tetamu kehormat di-perhimpunan itu dan sa-terus-nya mengepalai perarakan sajauh satu batu (gambar atas)

Peserta2 yang mengambil bahagian yang mengandongi 23 pasokan itu termasok-lah dari jabatan2 kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab2, badan2 kebajikan serta orang2 muallaf di-Daerah Temburong.

Achara pada pagi itu dimulakan dengan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Ismail bin Mohd. Arif kemudian di-ikuti dengan uchapan alu2an oleh Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh selaku Pengerusi sambutan. Ini kemudian-nya di-ikuti dengan sharahan khas yang di-sampaikan oleh Awg. Haji Abd. Saman bin Kahar dan sabda uchapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd Aziz.

Perhimpunan pada pagi itu juga telah di-serikan dengan persembahan marhaban sementara bachaan do'a selamat di-bachakan oleh Awg. Haji Besar bin Abu. Bakar, Kadhi Daerah Temburong.







## Untok chapai jalan lurus:

# BERHATI-HATI DAPATKAN ILMU PENGETAHUAN UGAMA

MARI-LAH kita tingkatkan terus takwa kapada Allah dengan sa-benar2-nya, dan mari-lah kita berusaha agar takwa itu sentiasa kita hayati sapanjang hidup kita.

Dalam saat2 kita mengadakan berbagai-bagai bentok sambutan bagi memperingati Hari Keputeraan Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. di-bulan Rabbi'el 'Awwal ini, kita suka-lah menerangkan bahawa Ugama Islam yang di-datangkan oleh Rasulullah s.a.w. itu ada-lah ugama fitrah yakni ugama yang sesuai dengan tabiat kejadian kita atau dengan kata2 yang lain Ugama Islam yang kita anuti itu ada-lah sabagai chara hidup bagi seluroh umat Islam di-muka bumi yang sesuai dengan asal kejadian manusia, tidak semua orang yang menjadi penganut dan pengamal Ugama Islam. Sebab-nya kerana manusia itu berbeza-beza pendapat dan berbeza-beza pula jalan berfikir masing2. Ini telah di-terangkan di-dalam Kor'an, firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

*"Ada-lah sekalian manusia itu merupakan umat yang satu, lalu kemudian mereka berpechah-belah, bercherai-berai dan berbeza2 pendapat antara satu dengan yang lain, sahingga mereka mengikut kehendak mereka sendiri. Sa-sunggoh-nya ugama yang benar dan yang hanya di-akui oleh Allah ia-lah Ugama Islam. Mereka yang telah menerima kitab2 suchi tidak-lah berbeza pendapat kechuali sasudah mereka memperoleh ilmu pengetahuan yang menyesatkan mereka. Dan Sa-siapa yang kufur dan tiada beriman dengan ayat2 Allah ingat-lah bahawa Allah akan mengadili mereka dalam waktu yang sengkat".*

Firman Allah dalam ayat yang lain pula, yang bermaksud: *"Dan barang-siapa menchari ugama salain daripada Ugama Islam untok di-pakai sabagai chara hidup-nya, maka tiada sa-kali2 ugama itu akan di-terima oleh Allah, dan orang itu di-akhirat termasok dalam golongan orang yang rugi. Mereka sa-benar-nya tiada mempunyai satu ilmu yang benar, tetapi mereka hanya mengikut sangkaan yang tiada mempunyai alasan yang benar bahkan tidak masok akal sama*



*sakali. Sa-sunggoh-nya sangkaan2 itu tidak chukop sa-bagai bokti kebenaran sedikit pun".*

Sunggoh tepat firman Allah Ta'ala, bahawa di-samping ugama yang benar yang hak dan sesuai lagi praktikal yakni Ugama Islam, di-dunia ini maseh ramai terdapat orang2 yang menganut ugama lain atau menganut faham lain, bahkan ada bangsa2 manusia yang tiada langsong perchayakan Tuhan. Malahan di-kalangan umat Islam sendiri ada yang menyeleweng daripada ajaran2 yang benar yang bertentangan dengan ajaran2 yang di-datangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Kesesatan umat manusia daripada mengikuti ajaran2 Ugama Islam yang benar itu sa-bagaimana telah di-terangkan oleh Allah dalam kedua-dua ayat Kor'an tadi ia-lah kerana memperoleh ilmu pengetahuan yang menyesatkan dan berdasarkan sangkaan2 kosong yang tiada berasaskan kebenaran.

Ajaran2 Islam telah di-bentangkan dengan jelas di-dalam Kor'an dan sunnah atau hadith2 Nabi Muhammad s.a.w. serta di-huraikan oleh ulama2 Islam yang muktabar di-dalam kitab2 mereka yang muktabar dari zaman dahulu hingga sekarang. Maka terpulang-lah kapada kita untok menuntut ajaran2 Islam yang benar itu menerusi sumber2-nya yang benar pula supaya kita terselamat daripada sa-barang kesesatan dan penganut ajaran2 yang salah.

Sa-bagai memboktikan keinginan kita untok menchapai jalan yang lurus dan benar sa-bagai penganut Islam yang sa-benar2-nya bagi menchapai keredhaan Allah dan rasul-Nya mari-lah kita berhati-hati pada mendapatkan ilmu pengetahuan ugama jangan sampai kita tertuntut ajaran2 yang sesat dan menyesatkan, kerana kalau kita menganut dan mengamalkan ajaran2 yang bertentangan dengan ajaran2 Islam yang sa-benar-nya neschaya kita termasok ka-dalam orang yang rugi di-sebabkan segala amalan kita itu tiada sa-kali2 akan di-terima oleh Allah di-akhirat nanti. Tiada sesiapa yang harus di-persalahkan jika sa-kira-nya ada di-antara kita yang mungkin mengikut ajaran2 sesat itu terus berdegil mengamalkan-nya, kerana akibat-nya akan menimpa diri kita sendiri juga. Amaran2 Allah ada-lah begitu jelas dalam perkara sa-umpama ini.

# CHABARAN DAN KESABARAN

**O Bingkisan minggu ini**

TIDAK dapat di-sangkal lagi hidup ini penoh di-liputi dengan bermacham masaalah dan rintangan serta chubaan, hanya orang2 yang benar2 bersabar dan tabah serta chekal hati dalam mengharongi dugaan dan halangan2 di-sertai pula dengan daya usaha mengatasi-nya saja yang akan dapat kejayaan.

Kesabaran dalam erti kata menahan diri daripada kemarahan, menahan hati daripada kebanchian dan iri hati, menahan lidah atau mulut daripada melemparkan penghinaan dan chachi maki kapada orang lain. Dengan lain perkataan menghindarkan keselurohan anggota daripada di-gunakan untok melakukan perbuatan yang kita tidak ingini dan tertegah di-sisi Allah. Terkandong juga dalam pengertian sabar ia-lah tidak terburu-buru dalam mengambil satu2 tindakan, tidak segera berputus-asa apabila berhadapan dengan kegagalan, sentiasa memikirkan sadalam2-nya sa-suatu pekerjaan sa-belum melakukan-nya. Pendek-nya berwatak tenang, tegas lagi berhati-hati.

Menurut pandangan Ugama Islam, bahawa bersifat sabar pada melakukan apa sahaja kewajipan yang di-redhai Allah serta mengikut segala hukum2 yang di-tentukan-nya, di-samping menjauhi apa juga larangan dan perkara2 maksiat itu ada-lah wajib. Allah telah menyatakan dan telah berjanji akan menganugerahkan pahala yang besar terhadap orang yang bersabar di-samping beramal dan beriman, sa-bagaimana yang tersebut dalam Al-Kor'an pada surah Al-Baqarah ayat 157 yang maksud-nya: Orang2 yang sabar itu-lah yang akan mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Allah, dan mereka itu-lah orang2 yang mendapat petunjok.

Jadi-nya kesempurnaan dan kekuatan kita sa-bagai sa-orang yang benar2 muslim, ada-lah berpuncha dari dalam diri kita sendiri. Berpuncha dari hati yang penoh takwa serta penoh kesabaran, berpuncha dari gerak laku yang penoh ikhlas pada menjunjong titah perintah Allah, di-samping jiwa kita penoh tanggong-jawab dan penoh jujor sa-jujor2-nya, sa-terus-nya sentiasa bersabar. Kerana sabar itu sa-tengah daripada iman dan sifat yang terpuji di-sisi Allah.

Dengan sifat sabar yang sentiasa bersemadi di-dalam jiwa kita ternyata amat banyak hikmat2 yang kita perolehi daripada-nya untok kita pergunakan pada menempoh segala apa jua gejala burok terutama di-zaman yang serba maju dan moden ini, di-mana telah sedia kita maklomi akan pengaroh yang di-bawa-nya bukan sedikit yang menghanchorkan chara kehidupan kita orang Islam.

Sifat sabar boleh di-jadikan sa-bagai pendinding dari anchaman2 yang datang mengugat kekuatan iman kita, membolehkan kita hidup sa-bagai sa-orang manusia yang mempunyai jiwa dan kekuatan keIslaman yang tulin, sedar akan kewajipan terhadap Allah, sedar akan tanggong-jawab pada masharakat, terlebeh-lebeh lagi pada diri serta keluarga, serta terhadap Ugama Islam yang kita hayati akan kebenaran-nya.

Dari itu, dalam menghadapi kehidupan yang sentiasa dengan chabaran dan penoh persoalan ini, amat mustahak kita yang berugama Islam, mempertegohkan hati dan jiwa serta semangat dengan sifat sabar, di-samping berdo'a dan berusaha pada mendapatkan kejayaan dan memohon semoga kita sentiasa berada di-sisi Allah Yang Maha Esa.

## Pertandingan membacha Al-Kor'an

KUALA BELAIT.— Satu pertandingan membacha Al-Kor'an yang di-anjorkan sempena menyambut Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. akan di-adakan di-daerah ini. Peraduan itu akan di-adakan pada hari Khamis, 12 haribulan depan di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin di-Kuala Belait.

Semua pelajar dewasa di-Daerah Belait ada-lah di-pelawa untok menyertai pertandingan tersebut. Borang2 penyertaan boleh-lah di-perolehi dari Awang Mohammad Walli bin Hassan di-Jabatan Kerja Raya atau dari Awang Ismail bin Apong di-Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan di-Kuala Belait. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 29 haribulan ini.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Januari, 1981 hingga ka-hari Selasa 27hb Januari, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 22hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 23hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 24hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 25hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 26hb Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 27hb Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Kelas pelajaran Kor'an dan Mukkadam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Islam Brunei (IQRA) kini sedang menerima pendaftaran kelas2 pelajaran membacha Mukkadam dan Al-Kor'an kanak2 dan orang2 dewasa. Kelas2 bimbingan tersebut akan di-adakan di-Sekolah Persediaan Inggeris Kampong Mabohai pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad.

Umat Islam di-Daerah Brunei dan Muara yang ingin menyertai kelas2 tersebut boleh-lah mendaftar kapada Awang Haji Mashud bin Haji Damit, Jabatan Pelajaran; Awang Haji Ishak bin Haji Mohd Rais, Jabatan Hal Ehwal Ugama atau Awang Metussin bin Haji Mohammad, Ibu Pejabat Polis Daerah Brunei dan Muara.

Pendaftaran untok menyertai kelas2 tersebut akan di-tutop akhir bulan Januari ini.

# MENJUAL TANAH KAPADA ORANG BUKAN ISLAM

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

MENURUT sharat jual beli dalam kitab2 feqah, tiada ada tegahan orang **kafir zimani** membeli sa-suatu daripada orang Islam, melainkan jika ia membeli mushaf Kor'an dan hamba Islam. Dalam kedua2 perkara itu (mushaf dan hamba Islam) tiada-lah sah jual beli-nya dan Islam menegah pada-nya. Juga tiada sah jual beli senjata kapada **kafir harbi.** Ada pun suatu yang lain dari senjata dan mushaf serta hamba Islam itu maka sah orang **kafir harbi** membeli-nya daripada orang Islam.

## Siri ke-63

Pendapat di-atas ada disebutkan oleh Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj karangan-nya.

### SENJATA

Dalam perkara senjata, Ibnu Hajar dalam kitab Talkhisul Khabir menyebutkan: *"Sa-tengah ulama hadith ada menyebutkan hadith2 yang menegah dari menjual senjata kapada orang yang memerangi umat Islam."*

Tersebut dalam hadith dari sahabat 'Emran bin Husain bahawa di-tegah menjual senjata kapada orang Islam dalam masa berlaku pergadohan di-antara mereka. Hadith tersebut di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi sachara **marfu'**, ia-itu hadith itu hadith dhaif. Dan Ibnu Hajar mengatakan, sabenar-nya hadith itu hadith **mauquf.** Begitu juga Al-Imam Al-Bukhari menyebutkan-nya **sa-chara ta'aliq.**

### TANAH

**Mengenai tanah, Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj menyebutkan: "Tanah yang tiada pernah di-'imarahkan (tanah mawat), kira-nya tanah itu dalam negeri Islam maka orang Islam harus meng-'imarahkan tanah itu dengan ihya'. Dan tiada-lah harus bagi orang zimmi mengihyakan tanah yang tiada pernah di-'imarahkan itu."**

Ibnu Hajar ada memetek hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, An-Nasa'ie, dan Ibnu Hibban dari Jabir yang erti-nya: *"Barang siapa mengihyakan bumi yang mati (belum di-'imarahkan) maka bagi-nya pada bumi itu pahala—dia di-beri pahala—dan apa yang telah di-makan oleh manusia, binatang dan burong2 daripada bumi itu menjadi suatu sedekah bagi-nya."*

**Berdasarkan hadith ini, Ibnu Hibban telah berdalil dengan mengatakan bahawa orang2 zimmi tiada-lah ia memileki tanah mawat itu kerana pahala yang di-sebutkan hanya di-beri kapada orang Islam.**

Perkataan Ibnu Hibban di-atas itu, menurut Ibnu Hajar ada-lah lebeh hampir kapada betul di-mana ma'ana zahir hadith itu ada bersama2-nya, dan pada pandangan sekali imbas dari yang dapat di-fahamkan dengan sebutan perkataan 'pahala' maka maksud-nya ia-lah pahala di-akhirat.

### HARUS, TETAPI . . . .

MAKA menurut nas2 yang di-atas, harus menjual tanah kapada orang2 kafir harbi dan zimmi. Akan tetapi apabila ada sebab dan perkara yang menjadikan orang2 Islam terhalau dari kawasan2 Islam akan menjadikan orang2 Islam tiada mempunyai tanah bagi tempat kediaman dan bertanam2an dan sa-bagai-nya maka ketika itu ada-lah haram orang Islam menjual tanah mereka kapada orang kafir, sa-bagaimana ulama' Islam telah memberi fatwa bahawa haram orang2 Islam menjual tanah Palastin kapada orang2 Yahudi yang menjadikan tanah itu tanah ayer mereka.

### KAWASAN KHAS

Apabila ada perkara yang menyebabkan orang Islam diam dekat dengan orang2 mushrik dalam sasuatu negeri atau tempat, maka Al-Imam As-Subki telah menfatwakan bahawa hendak-lah di-khaskan bagi orang2 mushrik itu suatu kawasan yang tiada berdekatan dengan orang2 Islam dan tiada dekat mereka dengan orang2 Islam dan jauh api rumah mereka dari pandangan orang Islam.

Fatwa-nya ini di-dasarkan kapada sa-buah **hadith musnad** atau **hadith mursal** di-mana Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksud-nya:

*"Saya terlepas dari tiap2 orang Islam yang tinggal atau diam di-chelah2 orang mushrik."* Sahabat2 pun bertanya: *"Mengapa?"* Jawab Baginda: *"Supaya jangan nampak api kediaman di-antara kedua pehak itu."*

Ulama' telah mensharahkan tujuan hadith itu ia-itu mesti-lah orang Islam dan wajib di-atas-nya menjauhkan rumah-nya dari rumah orang mushrik dan jangan ia diam atau singgah di-tempat yang orang2 mushrik menyalakan api-nya—yakni nampak api yang di-nyalakan di-dalam rumah-nya. Tetapi hendak-lah orang2 Islam diam dan singgah bersama2 orang2 Islam di-dalam kawasan rumah mereka sendiri.

*WALLAHU A'ALAM.*



**KELIHATAN** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, ketika menyampaikan cheramah-nya dalam Kuliah Ugama bagi Belia (Persatuan Belia TIBA Kampong Sungai Hanching), yang baru lalu.

Kuliah tersebut ada-lah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan TIBA. Kuliah itu telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

Gambar bawah menunjokkan sa-bahagian dari orang2 yang hadhir dalam Kuliah Ugama bagi Belia bertempat di-Masjid Kampong Sungai Hanching.





# SAMBUTAN MAULUD DI-DAERAH TUTONG



DI-DAERAH Tutong lebeh dari 9,000 orang umat Islam yang mewakili 51 buah pasokan telah menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Pekan Tutong.

Sambutan yang di-adakan pada hari Ahad itu telah dimulakan dengan bachaan Al-Kor'an dan di-ikuti oleh uchapan Pegawai Daerah, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Haji Abdullah dan sabda Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof (gambar atas) yang menjadi tetamu kehormat dalam sambutan itu.

Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Aziz Juned telah menyampaikan uchapan khas mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Muhammad s.a.w. (gambar bawah tengah).

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela di-junjong memereksa pasokan2 yang mengambil bahagian dan seterus-nya di-perkenalkan kapada ketua pasokan (gambar bawah).

Sa-telah selawat di-bachakan, pasokan2 mula bergerak untok berarak mengelilingi Pekan Tutong dengan di-dahului oleh tetamu kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof (gambar kiri).

Lain2 gambar di-ruangan ini menunjokkan suasana ketika perarakan Maulud di-daerah tersebut.
























# Lebeh 5,000 sertai perarakan Maulud di-Daerah Belait

SAMBUTAN Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Daerah Belait telah di-sertai oleh kira2 5,000 orang umat Islam. Mereka itu ia-lah mewakili 64 buah pasokan yang terdiri dari sekolah2 rendah dan menengah, persatuan2 belia dan kebajikan, jabatan2 kerajaan dan pasokan Pulis Diraja Brunei.



Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Sahibol Karib Pengiran Anak Idris menjadi tetamu kehormat dalam sambutan pada hari itu. Dalam sambutan yang di-adakan di-Padang KBRC itu Yang Amat Mulia telah melafadzkan sabda seterus-nya mengepalai perarakan mengelilingi Pekan Belait.



Terdahulu dari itu Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Idris telah di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan pada hari itu (gambar2 atas).

Majlis pada pagi itu dimulakan dengan bachaan Al-Koran dan di-ikuti dengan uchapan alu2an oleh Pegawai Daerah, Pengiran Idriss. Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal telah menyampaikan sharahan khas (gambar2 kiri).







# N BANJIR
# A SINI



DI-KAWASAN perumahan Sharikat Minyak Shell.



SA-BUAH rumah hampir2 ruboh di-sebabkan runtohan tanah di-sekeliling-nya.



RUMAH ruboh di-Kampong Sungai Kianggeh, di-Bandar Seri Begawan.





KESEMPATAN menangkap ikan di-musim banjir, saperti yang di-perlihatkan dalam gambar ini.

TANAH runtoh di-kawasan bangunan pemancharan di-Kampong Andulau, Sungai Liang, Salah sa-buah rumah di-Kampong Sungai Bakong, Lumut, lagi salah sa-buah rumah di-Kampong Perpindahan yang kelihatan telah di-banjiri oleh ayer (gambar bawah).







BANJIR di-Kuala Balai, di-pendalaman Daerah Belait.

## Piala Malaysia 81:

# BOLASEPAK KEBANGSAAN SERTAI PERLAWANAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei di-jadualkan bertolak ka-Melaka hari ini untok menyertai perlawanan bolasepak Piala Malaysia 81.

Pasokan Brunei yang buat ketiga kali-nya menyertai perlawanan tersebut akan di-sertai oleh empat orang pegawai dan lapan pemain simpanan. mereka di-jangka menemui Pasokan Melaka di-Stadium Kubu sa-bagai perlawanan permulaan-nya esok.

Ada-lah juga di-fahamkan sa-lepas perlawanan-nya dengan Melaka pasokan Brunei akan terus berkunjong ka-Johor untok melawan Pasokan Johor bertempat di-Stadium Larkin di-Johor Baharu pada 25hb Januari ini.

Sementara itu perlawanan Brunei pertama ditempat sendiri di-jadualkan berlangsong pada 30hb Januari ini. Pada hari itu Brunei di-jangka akan menemui Pasokan Pulau Pinang bertempat di-Padang Kelab Ria Kuala Belait (KBRC).

Pasokan Kebangsaan Brunei yang akan mewakili negeri ini ka-perlawanan tersebut pada kali ini ada-lah di-bawah latehan jurulateh Kebangsaan Brunei, Awang Malcolm Mc Dowell.

Tahun lalu pasokan Brunei hanya berjaya mendudoki tempat ka-13 di-antara 17 buah negeri2 di-Malaysia termasok Singapura yang mengambil bahagian.






AHLI2 persatuan Seni-Foto Brunei yang mengadakan lawatan sengkat ka-Korea Selatan telah pulang ka-tanah ayer minggu lalu.

Sa-masa berada di-sana rombongan yang di-ketuai oleh Naib Yang Dipertua Persatuan tersebut, Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Dato Penglima Haji Abu Bakar telah sempat mengadakan lawatan ka-tempat2 yang menarek.

Gambar atas menunjokkan ahli2 persatuan ketika berada di-sebuah perkampongan asli di-Korea Selatan sementara (gambar kiri) ketua rombongan Awang Haji Kamaluddin (No. 2 dari kiri) dan dua orang pegawai masjid di-salah sa-buah masjid yang terdapat di-Korea Selatan di-mana ahli2 rombongan sempat menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

## Achara lumba basikal bulan depan

BERAKAS. — Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei telah meranchang untok menganjorkan satu perlumbaan Basikal yang terbuka kapada pelumba2 seluroh negeri yang akan di-langsongkan di-Padang Kebajikan Belia dan Sokan di-sini pada 15hb. Februari depan.

Perlumbaan tersebut yang berupa trek akan terbahagi kapada lapan bahagian saperti berikut:—

a) 1KM Uji Masa Perseorangan yang mengandongi 2½ pusingan.

b) 1KM Sprint (2½ Pusingan)

c) 4KM Kejar Mengejar Perseorangan. (10 Pusingan)

d) 4KM Kejar Mengejar Berpasokan (20 Pusingan) di-mana tiap2 pasokan mempunyai 4 orang pelumba.

e) 10KM Point Race (25 Pusingan)

f) 4KM Lepas Beramai-ramai (10 Pusingan)

g) 4KM Lepas Beramai-ramai (10 Pusingan) dan tiap2 peserta mesti berumor 17 tahun kebawah.

h) 4KM Lepas beramai-ramai (10 Pusingan) yang hanya terbuka kapada peserta perempuan sahaja.

Borang2 permohonan dan keterangan lanjut mengenai perlumbaan tersebut sekarang boleh di-dapati dari Yang Dipertua Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei, Awang Azahari bin Mohd Ali.

## BELIA DAN SOKAN

# RANCHANGAN SOKAN SEKOLAH2 SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran telah mengeluarkan jadual bagi ranchangan sokan sekolah2 yang mengambil tempat dalam tahun ini.

Sa-bagai persediaan bagi mengator ranchangan yang akan di-jalankan Bahagian tersebut dalam bulan Januari ini telah mengadakan beberapa mashuarat yang akan di-teruskan pada 24 dan 31hb ini.

Kegiatan sokan bagi sekolah2 di-jadualkan akan bermula dalam bulan Februari depan di-mana saperti yang di-jadualkan dua perlawanan bolasepak dan tiga perlumbaan rentas desa akan di-anjorkan.

Bermula pada 14hb Januari ini dua perlumbaan rentas desa sa-chara berasingan bagi Sekolah2 Rendah Belait dan Sekolah2 Rendah Brunei III masing2 akan di-langsongkan di-Padang Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria dan di-Padang Sekolah Melayu Subok.

Perlumbaan rentas desa bagi Sekolah2 Rendah Brunei I dan Sekolah2 Rendah Tutong I yang akan mengambil tempat di-Padang SMJA dan di-Padang Sekolah Menengah Muda Hashim akan di-langsongkan pada 16hb Februari.

Dua lagi perlumbaan rentas desa ia-itu bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah Bawah Daerah Temburong dan Sekolah2 Menengah Bawah Daerah Belait akan di-langsongkan pada 18hb Februari di-Padang Sekolah Melayu Bokok dan di-Padang Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Sementara itu perlawanan bolasepak yang akan bermula pada 19hb Februari ada-lah merupakan perlawanan peringkat awal antara daerah bagi Sekolah2 Menengah Bawah Kumpolan 'A' dan 'B' bagi daerah2 di-jadualkan bermula pada 24hb Februari.

## Mashuarat PITA

MUARA. — Persatuan Ikatan Kampong Tanah Jambu (PITA) akan mengadakan mashuarat tahunan-nya bertempat di-Sekolah Rendah Melayu Tanah Jambu pada 5hb Februari depan.

Setia Usaha PITA, Awg Mohammad bin Sukaimi meminta semua ahli2 persatuan supaya akan dapat hadhir pada tarikh tersebut. Mashuarat itu ia-lah bagi memileh ahli2 jawatankuasa baru tahun 1981.

## Bolasepak guru-guru

SERIA. — Guru2 Sekolah Persediaan Inggeris Seria kini sedang menganjorkan satu perlawanan bolasepak antara guru2 dan kakitangan2 di-Daerah Belait. Perlawanan tersebut ada-lah untok merebut Piala yang di-hadiahkan oleh Sharikat Abdul Samad dan Anak2 dari Seria.

KONGRESS Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei telah berlangsong awal bulan ini di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Kongress tersebut telah di-buka rasmi oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim.

Antara achara yang mengambil tempat sa-belum perasmian-nya ia-lah Persembahan hadhrah oleh Badan Hadhrah Tunas Raja Muda (Bahtramu) dan sa-buah nyanyian choir oleh peserta2 yang mewakili persatuan2 belia di-negeri ini.



# SERIKANDI ketengahkan kegiatan2 wanita

DALAM ranchangan yang lalu kami telah banyak mengetengahkan beberapa aktiviti2 wanita kita dalam berbagai2 bidang dan bakat2 mereka. Dari lapangan bermain musik hingga-lah ka-sudut kerjaya, demonstrasi dan lain2 lagi. Dan untok minggu ini pula kita akan dapat mengikuti temu-ramah wakil kami dengan Puan Jamaliah Sharif sa-orang penyanyi enam pu-lohan dulu.

Di-samping itu juga puan2 akan dapat mengikuti tinjauan kami dalam pengendalian taman bimbingan kanak2. Untok itu, kita bersama Puan Rohani Hj. Abd Rahman dalam menjalankan kerjaya-nya mengendalikan taman bimbingan beliau sendiri. Dan untok mengakhiri ranchangan Serikandi ini kita ka-sudut petua rumah tangga.




## Siri Mukkadam di-Radio

Kalau Awda mengikuti siaran radio di-sebelah petang, awda akan mengikuti ranchangan harian Siri Mukkadam. Ranchangan tersebut di-siarkan tiap2 hari jam 6.00 petang.

Ranchangan siri Mukkadam telah di-rakam. Sa-banyak 220 siri, dan di-siarkan tiap2 hari. Dan kini di-ulang siaran-nya dari siri pertama hingga ka-siri akhir.

## ...nak-Kanak 1981



...alivishen Brunei
...gi mempelawa
...ng berumor di-
...h hingga 12 ta-
... menjadi ahli
... Kanak2 yang
...rsus itu akan
...ada bulan April

...yang di-adakan
...kel tersebut ia-
...yanyi, menari,
...rgan atau alat2
...ng lain, main
... dan bercherita
...erita yang meng-
...ati dalam satu

...uan temuuji itu
...ak2 ada-lah di-
...supaya menun-
...kat dengan cha-
... dan bukan-nya
... berpadu suara
...kumpolan.

... bagi kanak2
...ileh akan di-
... pada bulan
...gga penghujong
... dan sa-sudah itu
...hagikan kapada
...2 bagi enam
...n yang akan di-
... kelak. Semasa
... latehan bayaran
...an di-kenakan,
... kanak2 tersebut
...unchol di-kacha
...an yang berpa-
...n di-berikan.

... maaloman ka-
...njaga2 kanak2

yang terlibat, disiplin, kedatangan, tata-tertib dan kemajuan kanak2 tersebut akan di-simpan dan pehak tv juga akan mengambil berat tentang kemajuan kanak2 di-sekolah.

Di-samping itu hadiah kepujian akan di-berikan kapada kanak2 yang menamatkan kursus sementara hadiah rebutan akan di-berikan kapada kanak2 yang mendapat kepujian chemerlang.

Temuuji permulaan akan di-adakan di-tiap2 daerah Tutong, Belait, Seria dan Bandar Seri Begawan. Borang2 permohonan boleh di-dapati di-tempat tetamu, RTB, Pejabat Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong, Pejabat Sekolah Misi St. Angela, Seria dan di-Pejabat Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Semua borang2 permohonan hendak-lah di-kembalikan berserta dengan gambar kapada Penerbit Temuuji Bengkel Kanak2 1981, Radio Talivishen Brunei, Tingkat Tiga, tidak lewat dari 31hb. Januari 1981.

Keluarga2 kakitangan RTB, tidak di-benarkan untok memohon kursus ini.

DRAMA purba, ada-lah satu2-nya ranchangan yang di-minati ramai oleh pendengar2 radio ketika ini. Dengan olahan penerbit-nya, Awang Abdullah Awang Damit, dengan mengisikan kesan bunyi, saperti kochakan air, kichauan burong2, kokokan ayam dan sa-bagai-nya, menjadikan lebeh berkesan lagi cherita bersiri 'MUJOR2 BERTUAH BADAN' hasil tulisan Mawar A.Z.

Kesah bersiri ini di-siarkan tiap2 hari Jumaat, jam 4.30 petang. Kelihatan dalam gambar, para pelakun, Annuar Haji Abd. Hamid (Liau Badar) Haijah Zainab (Dyg. Banun) Dk. Mastura (Intan) P.I. Sunah (Mayang) membelakang Md. Shah Haji Salleh (Buiang) dan Armah Adam (Dy Bungsu) sedang ashik menghafal skrip sabelum rakaman di-jalankan di-Studio C RTB.

Para peminat ranchangan Drama purba, jangan lupa mengikuti siaran-nya tiap2 hari Jumaat jam 4.30 petang.



# RANCHANGAN TVP DARI 26HB JAN. HINGGA 1HB FEB.

### ISNIN — 26HB JAN

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 2
Dalam ranchangan kedua ini Jay Jay di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'b' dan Izat menunjokkan gambar2 ahli keluarga-nya kapada Jay Jay dan Gani.
Ranchangan ini juga di-isikan dengan lagu2 dan sa-buah cherita.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 4
(Bahagian Tumbohan dan Tugas-nya)
Dalam ranchangan ini, guru TVP mengajak murid-murid ka-beberapa tempat di-Brunei untok melihat berjenis2 tumbohan. Untok mengetahui sa-lanjut-nya, ikuti-lah ranchangan ini nanti.



10.30 KAP KAP UDANG 268
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti-aktiviti saperti MAIN MUSIK, PEKERJAAN SENDIRI, SI-MANIS, AMINAH, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Hari ini untok gambar dan sebutan Che'gu Rokiah akan menunjokkan gambar2 yang bermula dengan huruf 'p'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 268.

### SELASA — 27HB JAN

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 2

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 4
(Bahagian Tumbohan dan Tugas-nya)

10.30 KAP KAP UDANG 269
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, BERSENAM, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan SIRI PERMULAAN pula Che'gu Rokiah akan bercherita darihal benda2 yang di-perbuat daripada kacha.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 269.

### RABU — 28HB JAN

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 2

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 4
(Bahagian Tumbohan dan Tugas-nya)

10.30 KAP KAP UDANG 270
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, BERMAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita darihal 'Dendam Hantu Rimba'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 270.

### KHAMIS — 29HB JAN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 271
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMIN, MAIN BELON, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Untok MAIN KIM Che'gu Rokiah akan mengunakan benda2 untok menjahit.
KAJIAN SA-MULA JADI Che'gu Rokiah akan menunjokkan bunga-bunga yang tumboh daripada batang.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 271.

### JUMAAT — 30HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMIN, BERMAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. Hari ini Che'gu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor kerbau bernama Si-Hitam.

### SABTU — 31HB JAN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 272
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, TEKA BENDA, MAIN BOLA, DI-MANA TEMPAT-NYA, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.
Binatang yang akan di-gunakan oleh Che'gu Rokiah di-RUANGAN BINATANG ia-lah 'Katak'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 272.

### AHAD — 1HB FEB

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan Kap Kap Udang hari ini akan di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUSIK, PETI SURAT, RUANGAN BINATANG, BERSENAM, MAIN KIM dan CHERMIN SAKTI.
Di-ruangan BINATANG kali ini Che'gu Rokiah akan tunjokkan berapa ekor ikan emas. Untok MAIN KIM Che'gu Rokiah akan gunakan benda2 di-dapor.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Lagu dan senikata; 9.30 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph pendengar; 1.00 — Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). T/HARI : 12.00 — Rampaian tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi harapan; 1.30 — Hiboran menjelang rehat. PETANG : 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Pilehan irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok belia; 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30 — Apa pilehan awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayab/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampai sari hiboran (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai; 11.30 — Ruangan ketani (su). T/HARI : 12.00 — Lagu2 Melayu asli — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra wara (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. PETANG : 2.00 —Siaran berhenti rehat. 5.00 — Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasehat; 6.00 — Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; MALAM : 7.00 — Bachaan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan mengisikan ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Saniah bte Said, di-alamat D2-Flat Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Dalam ranchangan sa-tengah jam ini, Dayang Saniah akan memileh tujoh buah lagu2 kegemaran-nya.

Ranchangan ini akan ka-udara melalui Radio Brunei pada malam ini, jam 9.30 malam.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45 — Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayab/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Waktu Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Dari kampong ka-kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembabyang fardhu Juma'at; 1.15 — Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Mutiara gambus. PETANG : 2.13 — Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa; 2.30 — Ruangan ketani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus Radio—Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30 — Chitrawara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Gurindam lagu; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita: 5.45 —Suntingan khutbah Juma'at; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Mutika/petikan dari filem (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayab/Peringatan harian — dendang suria; 7.30 — Pada hemat saya—dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Tetamu minggu ini (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Serbanika hiboran (su); 11.00 — Focus radio (su); 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran. T/HARI : Rampaian tengah hari— Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra Irama; 1.30 — Lagu dan senikata. PETANG : 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Mutiara gambus (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00 — Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30 — Majallah Radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor Radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan dua station. PETANG : 2.00 — Membachakan susunan raschangan; 2.02 — Mutika/Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Pilehan juruhebah; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembabyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Gurindam lagu; 7.30 — Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara perajurit 9.30 — Permintaan lagu2 60an; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Bingkisan tanah ayer. T/HARI : 12.00 — Komintar radio; 12.15 — Lagu2 rampaian — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian joget; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan sukaramai. PETANG : Siaran berhenti rehat. 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00—Penyanyi harapan; 7.30 — Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 Chitra irama (su); 9.00 — Pertanian; 9.30 — Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 Suntingan hidayah; 10.07 —Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an —Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayab/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Suara parajurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampaian London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita (su); 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah tangga; 11.45 — Doctor Radio (su). T/HARI : 12.00 Hiboran tengah hari — Azan fadhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Wanita Berita; 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan salam. PETANG : 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama senja; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Album penyanyi (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pancharagam tempatan; 9.00 — Keluarga jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 32; 11.15 — Lunch Music. NOON : 12.00 — Hits In Germany. PM : 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — English Examined Prog. 32 (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — The Pleasure of Your Company presented by Dorn Williams produced by Viviyanti Ali; 10.00—Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — where we invite you to hop aboard our nonstop musical express. NOON: 12.00—My Music. PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — Strictly Instrumental; 1.15 — Radio Doctor by Idris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Sixty-Minute Theatre : "The Fallen Idol" by Graham Greene; 9.00 — Interlude; 9.15 — News; 9.30 — The Pasadena Roof Orchestra in Concert at the Queen Elizabeth Hall — Side 1 of 2; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Voice of Islam — Muhammad the Prophet; 11.45—Fran Muir Goes Into; 11.45 — Light Music From The Netherland; NOON : 12.00 — Friday Voices by Vivianti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound; 1.15 — World or Education; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30—Call For the Bead by John Le Carre; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Women's World; 11.30 — International Call. NOON : 12.00 — Sweet And Stylish. PM : 12.30 — News; 12.45— Lunch Break by Asha Devaraj; 1.00 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Room at the Top; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Battle of Words by Tajul Ahmad; 11.30 — Children's Half Hour by Veronica Shim. NOON : 12.00 — Top of the Pops. PM : 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Belait At One By Andrew Pastounna and Ideris Ali; 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Battle of Words (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45—The Young Sound by Ak Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 33; 11.15 — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. PM : 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Ja'afar Yaakub; 1.15—Brunei Tourists In London; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—With Great Pleasure — Kenneth More; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—BBC Sports Magazine. NOON: 12.00 — Doctor At Large. PM : 12.30—News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — A Hundred Years of Dance Music; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Stereo Pop Special "Bram Tchaikovsky's Battleaxe" Side 2; 8.30 — Friday Voices (repeat); 9.00 — English Examined: Prog. 33 (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Belait At One (repeat); 10.00 — Close Down.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JAWATAN2 DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhimatan Kerajaan Brunei.

1. KERANI TINGKATAN III :

**Kelayakan2 :**

Chalon2 yang di-lantek mesti-lah menchapai umor 18 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

**Tangga Gaji :**

D.1-2-3 EB.4-5 — $425-440-455-470-485-500-515-535 - 555-580 /EXAM BAR/ 605 - 630 - 655-720-755-790-825-860-900 / EB/980-1010-1040-1070-1105 - 1140-1175 - 1200 - 1230 - 1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PELAYAN :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya.

**Tangga Gaji :**

F.1-2-3-4-5 EB.6—$350-360-370-380-390-400-410-420-430 - 440-450-460-470-490-500-510 - 520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1981.

(E/274/62/3 — Bil: 6/1981)

## EDUCATION DEPARTMENT TECHNICAL EDUCATION

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in the following courses which will commence during the first School Term in 1981 :—

1. PUSAT LATEHAN TEKNIKAL BRUNEI, JALAN MUARA

(a) **Diploma Course in Business Studies —**

Subjects Studied —

**(2 years Fulltime Course)**

Subjects Studied — Accounting, Commerce, Quantative Methods, Economics, Business Language

Entrance Requirements — Four GCE 'O' level passes at Grade A, B or C including Mathematics, Commerce and English.

Students Allowance — 1st Year $120.00; 2nd Year $180.00; plus $120.00 during Industrial Attachment Period.

(b) **Food Preparation and Cookery —**
**(6 weeks course 7.30 a.m. to 1.00 p.m.)**

Subjects Studied — Hygiene, Nutrition, Practical Cookery

Entrance Requirements — Applicants must be working in a School Hostel Kitchen, or a Mess, or a Canteen or Restaurant and should have a reasonable knowledge of English.

The course is intended to improve the standard of staff working in Catering establishments.

2. JEFRI BOLKIAH SCHOOL OF ENGINEERING, KUALA BELAIT

**City and Guilds 824 Radio, Television and Electronics Servicing Part I (1½ Years Fulltime)**

Subjects Studied — Electrical Principles, Electronic Components and Circuits, Fault Finding, Communication, Calculations, Technical English

Entrance Requirements — BJCE pass in Mathematics, Science and a good standard of English.

Students Allowance — $90.00 plus $120.00 during Industrial Attachment Period.

Students who successfully completed Part I will be eligible to enter Part II.

3. SULTAN SAIFUL RIZAL SCHOOL OF BUILDING, JALAN MUARA

**1 Year Fulltime Course**

(a) Practical Course in Bricklaying
(b) Practical Course in Carpentry
(c) Practical Course in Furniture Making

These courses are completely practical in content and after the first six months of training students may be required to participate in Project Work.

Entrance Requirements — Applicants must have completed their education and have left school.

Students Allowance — $55.00. Students involved in Project work will receive $13.10 per day instead of the normal allowance.

GENERAL INFORMATION

1. A Subsistence Allowance of $45.00 is payable to students attending fulltime courses who cannot be accommodated in a hostel.
2. Lunch and mid-morning tea will be provided for all students who attend class from 7.30 a.m. to 4.00 p.m.

Protective clothing and footware will be provided for students who are attending fulltime courses and spend more than 10 hours per week in a Workshop.

Further information on the courses can be obtained from the Principals of the schools concerned.

Application forms can be obtained from the Principals of Technical Schools and Secondary Schools and the Education Department Technical Section.

Those who are already in employment must submit their applications through their Head of Department.

Applications should be sent to the Organiser of Technical Education, Education Department, Bandar Seri Begawan, not later than 28th January 1981.

## Kaji Mata di-Rumah Sakit Besar

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Kaji Mata di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Chalon2 yang berjaya akan membantu di-bahagian Kaji Mata, Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Ijazah University (sebaik2-nya ijazah Honours) dalam bidang Opthalmic Optics atau kelulusan ikhtisas yang sebanding.

b) Pengalaman ikhtisas yang menchukopi termasok-lah sebaik2-nya pengalaman bekerja di-Rumah Sakit.

**Tangga Gaji :**

M. 13-14 EB.15 — B$2000-2080-2160 - 2240 - 2320 - 2400-2480-2560 - 2640 - 2720 - 2830-2920-3010 - 3105 - 3200 - 3295-/ EB / 3380-3470-3560-3660.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan ra'ayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Mach, 1981.

(E/808/78 — Bil: 7/1981)

## TENDER NOTICE

ADULT EDUCATION CLASSES IN CITY AND GUILDS COURSE 236, ELECTRICAL INSTALLATION COURSE B

An 18 months course leading to City and Guilds Examination in 236 Electrical Installation Course B will be held three evenings per week at the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait commencing in February, 1981.

Entrance qualification:

(a) Passed City and Guilds 'A' Certificate in Electrical Installation.

(b) Passed City and Guilds 823 Electrical Installation Practice

or

(c) Passed BJCE with Mathematics, English and General Science.

Application form are obtained from the Principal Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait. Application must reach the Principal not later than 31st January, 1981.

## DI-JABATAN MUZIUM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. PEGAWAI PANDU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mesti-lah mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris.

b) Pemohon2 yang mengetahui tentang Daerah2 pendalaman, tahu sedikit berbagai Daerah atau puak yang ada di-dalam negeri ini dan berkebolehan mengendalikan orang2 awam dan kanak2 ada-lah menjadi kelebehan.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya akan bertugas memandu Pelawat2 yang melawat Muzium dan juga penyelidek2 yang menjalankan penyelidekan ka-daerah2 pendalaman.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU SERANGGA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Di-antara kelulusan pelajaran mesti-lah kepujian dalam mata pelajaran Science dan juga Bahasa Melayu dan Inggeris. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai mata pelajaran Biology.

b) Pemohon2 mesti-lah yang mengetahui tentang daerah2 pendalaman dan sanggup untok bermalam serta berkhemah di-hutan2 pendalaman. Pemohon2 yang chenderong dengan pengumpulan serangga ada-lah di-beri keutamaan.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya akan bertanggong-jawab kapada Kurator Kaji Alam Semula Jadi di-dalam menjalankan kerja2 katalog, penjenisan, membentok serangga termasok pergi ka-hutan2 untok menangkap dan memelihara bagi faedah kumpolan Muzium Brunei.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040--1070-1105-1140-1175.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1981.

(E/168/78 — Bil : 8/1981)

## Sa-bagai Penolong Penyunting

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penolong Penyunting di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian chemerlang dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman dalam penyuntingan buku atau majallah dan berbakat dalam karang-mengarang.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasai dua bahasa dan juga kebolehan membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 26hb Februari, 1981.

(E/247/63)

(Bil : 4/1981)

## Sa-bagai Chargehand Electrician

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Chargehand Electrician di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Certificate in Electrical Installation dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sa-suatu jawatan yang sama.

Chalon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang rendah sedikit akan juga di-pertimbangkan sekira-nya mereka telah memperolehi pengalaman praktikal yang luas dan dapat memboktikan kebolehan mereka.

**Tugas2 :**

Menyelia kerja2 memasang dan menyediakan kelengkapan studio talivishen dan lampu2 untok siaran luar, di-bawah arahan Jurutera Lampu. Tugas2 lain termasok-lah kerja2 pemeliharaan alat2 tersebut, lain2 kelengkapan letrik di-dalam studio termasok-lah switch rooms dan alat2 penggelap (dimming equipment).

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1981.

(E/670/75—Bil : 9/1981)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

SERIAL No. 50

TENDERS will be received by the Chairman of The Tenders Boards at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Class "A" cable laying Contractor up to 12.00 noon Tuesday, 27th January, 1981.

ERECTION OF 21FT TUBULAR STEEL AND JUBILEE ALUMINIUM POLES AND CABLE LAYING AT RADAR AREA SITE BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT BERAKAS, BRUNEI

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked:—

ERECTION OF 21FT TUBULAR STEEL AND ALUMINIUM POLES AND CABLE LAYING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderer's on receipt of a bona fide tender.

TENDER No. KJL/3/1981

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Cable Laying Contractors up to 12.00 noon Tuesday 27th January, 1981 for the following :—

THE PROVISION OF UNSKILLED WORKGROUP TO ELECTRICAL DEPARTMENT

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked :—

THE PROVISION OF UNSKILLED WORKGROUP TO ELECTRICAL DEPARTMENT

The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 24th February 1981 for the construction and completion of: —

PUBLIC SERVICE COMMISSION BUILDING, OLD AIRPORT, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tender documents including Bill of Quantities can be examined at and obtained from the office of the Architects: —

Sabah Akitek dan Rakan,
3rd Floor, Room 403,
Bangunan Guru-Guru
Melayu Brunei.
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 26th January 1981 onwards during normal office hours.

3. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenders are required to: —

A. produce evidence of their P. W. D. registration status.

B. produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately B$2,-000,000.00) in accordance with the Conditions of Contracts.

4. The Tender Deposit required is B$10,000.00 (Brunei Dollars Ten Thousand only) which is in the form of a cheque and shall be made payable to the Architects. This Deposit is refundable to each unsuccessful tender upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition. Tenderers will have to bear cost of any damage to tender documents issued to them, any such cost will be deducted from the Tender Deposit.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no identification of the name and address of the tenderer on the envelopes.

6. Tenders are to be submitted and must reach the office of: —

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei,

not later than 12.00 noon, Tuesday 24th February 1981. Tenders received after the stipulated closing time and date will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU UNTOK TAHUN 1981 KAPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, BRUNEI

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 2hb Februari, 1981 untok membekalkan kayu jenis KAPOR BUKIT/SELANGAN dan MERANTI (hanya jenis Kayu MERANTI berketam) kapada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei saperti sukatan2 berikut: —

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 6" x 6" x 20' | 24. | 2" x 2" x 18' | |
| 2. | 6" x 6" x 18' | 25. | 2" x 2" x 16' | |
| 3. | 6" x 6" x 16' | 26. | 2" x 2" x 14' | |
| 4. | 6" x 6" x 14' | 27. | 2" x 2" x 12' | |
| 5. | 6" x 6" x 12' | 28. | 1½ "x 6" x 16' | |
| 6. | 4" x 12" x 24' | 29. | 1" x 8" x 16' | |
| 7. | 4" x 12 "x 20' | 30. | 1" x 8" x 14' | |
| 8. | 4" x 8" x 18' | 31. | 1" x 8" x 12' | |
| 9. | 4" x 8" x 16' | 32. | 1" x 2" x 16' | |
| 10. | 3" x 6" x 18' | 33. | 1" x 2" x 14' | |
| 11. | 3" x 6" x 16' | 34. | 1" x 2" x 12' | |
| 12. | 3" x 6" x 14' | 35. | 2" x 2" x 18' | |
| 13. | 3" x 6" x 12' | 36. | 2" x 2" x 16' | |
| 14. | 3" x 4" x 18' | 37. | 2" x 2" x 14' | B |
| 15. | 3" x 3" x 16' | 38. | 2" x 2" x 12' | E |
| 16. | 3" x 3" x 14' | 39. | 1" x 8" x 18' | R |
| 17. | 3" x 3" x 12' | 40. | 1" x 8" x 16' | K |
| 18. | 2" x 8" x 16' | 41. | 1" x 8" x 14' | E |
| 19. | 2" x 4" x 16' | 42. | 1" x 8" x 12' | T |
| 20. | 2" x 3" x 18' | 43. | 1" x 2" x 18' | A |
| 21. | 2" x 3" x 16' | 44. | 1" x 2" x 16' | M |
| 22. | 2" x 3" x 14' | 45. | 1" x 2" x 14' | |
| 23. | 2" x 3" x 12' | 46. | 1" x 2" x 12' | |

2. Pembekalan ini ada-lah untok satu tahun dengan sharat2 berikut: —

1. Kayu yang di-kehendaki oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara, hanya akan di-keluarkan oleh Pembekal yang berjaya sa-telah menerima pesanan sa-chara Indent yang di-tanda tangani oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara atau Pegawai yang di-beri kuasa untok menanda tangani pesanan tersebut;
2. Sa-telah menerima pesanan, pembekal yang berjaya, hendak-lah menyediakan dan menghantarkan kayu2 itu ka-Bengkel Pejabat Daerah Brunei/Muara, Jalan 'Airport' lama, Berakas di-antara jam 7.30 pagi hingga 12.15 tengah hari;
3. Pegawai Daerah atau wakil yang di-tugaskan bagi penerimaan kayu yang di-pesan berhak menolak sebarang kayu yang di-dapati tidak bersesuaian mengikut pesanan. Pembekal ada-lah bertanggong-jawab dan mesti-lah bersedia untok mengganti dengan serta merta kayu2 yang tidak bersesuaian dengan kayu2 yang di-kehendaki dalam pesanan, jika perkara ini terjadi;
4. Pembekal hendak-lah membekalkan kayu yang di-pesan sa-lewat2-nya dalam tempoh dua minggu dari tarikh pesanan di-buat, jika sekira-nya pembekal gagal untok membekalkan kayu yang di-pesan dalam tempoh di-tetapkan, dengan tidak memberi sebab2 sa-chara bertulis, maka Pegawai Daerah berhak membuat sebarang pesanan kapada pembekal lain dengan persetujuan bersama (Pegawai Daerah/Pembekal lain) jika pembekal lain tersebut membekalkan kayu2 dengan harga tender-er, maka perbezaan harga kayu tersebut ada-lah di-tanggong oleh tenderer;
5. Bayaran pada tiap2 satu pesanan yang di-buat oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, hanya akan di-jelaskan sa-telah di-sahkan bahawa bekalan kayu2 itu ada-lah bersesuaian dengan pesanan dan menchukopi di-segi jumlah dan qualiti-nya;
6. Pembekal2 yang berhajat untok memasoki tawaran ini mesti-lah menyatakan harga kayu tiap2 satu (1) ton dan nyatakan harga ini termasok upah pengangkutan atau tidak.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### JABATAN SETOR DAN PERBEKALAN NEGARA TAWARAN BIL. 1/81 PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Selasa, 27hb Januari, 1981 untok: —

**Mengadakan kenderaan (truck) dan buroh2 bagi mengangkut, memuat, memunggah dan menyusun barang2 kepunyaan Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, bagi tempoh sa-tahun dari 1hb Januari, 1981 hingga 31hb Disember, 1981.**

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran serta Borang Tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor dan Perbekalan Negara, Jalan Gadong, Brunei dengan membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $1,000.00.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class A Contractors by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Tuesday, 10th February 1981 for:

PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Priced Bills of Quantities are also to be submitted to the Chairman, Tenders Board together with the tenders.

3. Tenders received after this date will be rejected.

4. Tenders shall be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

6. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thursday 15th January 1981.

7. The Tender Deposit will be $1,000.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona-fide tender.

8. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Penyambut Mess di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyambut Mess di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah berumor 18 hingga 35 tahun dan sekurang2-nya berada di-dalam Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang berpengalaman akan di-beri keutamaan.

**Tangga Gaji:**
F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Februari, 1981.

(E/537/79)
(Bil: 2/1981)

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku PERIBAHASA SEKOLAH RENDAH untok Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK BUKU PERIBAHASA di-bahagian atas sa-belah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat daripada hari Isnin, 26hb Januari, 1981.

3. Kerajaan tidak terikat kapada mana-mana tawaran2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR PA SYSTEM, CURTAIN AND SCREEN FOR PROPOSED LECTURE THEATRE/CINEMA AT BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Specialist Contractor up to 12.00 noon, 10th February, 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PA SYSTEM, CURTAIN & SCREEN FOR PROPOSED LECTURE THEATRE / CINEMA AT BERAKAS CAMP."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 14th January 1981 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The Tender Deposit shall be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Specialist Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### PUBLIC WORKS DEPARTMENT BANDAR SERI BEGAWAN SEWERAGE AND SEWAGE DISPOSAL — CONTRACT No. 2 ADDITIONAL PUMPING PLANT

TENDERS are invited from suitably experienced firms for the supply and erection of additional pumping machinery in existing sewage pumping stations in Bandar Seri Begawan, and for the overhaul of existing sewage pumping plant.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson (S.E. Asia), at either of the following addresses: —

Room 40,
Hongkong Bank Chambers,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.
OR
18th Floor,
Tunas Building,
Anson Road,
Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have suitable experience in the supply, erection and overhaul of sewage pumping machinery and ancillary equipment, or to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$500.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to every unsuccessful tenderer who submits a bona-fide tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 16th March 1981.

## TENDER NOTICE

### THE SUPPLY, INSTALLATION AND GLAZING OF ALUMINIUM CURTAIN WALLING, WINDOWS, DOORS AND SCREENS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

1. TENDERS together with priced Bill of Quantities will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the construction and completion of the above noted works up to 12.00 noon on 17th February 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY, INSTALLATION AND GLAZING OF ALUMINIUM CURTAIN WALLING, WINDOWS, DOORS AND SCREENS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 15th January 1981 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tenders provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN MEMBEKALKAN BATU UNTOK TAHUN 1981 KAPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, TAHUN 1981

ADA-LAH di-pelawa kapada sharikat2 yang boleh membekalkan batu bagi tahun 1981 kapada Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

2. Batu2 yang akan di-kehendaki ia-lah berukoran saperti berikut di-bawah:—

1) Batu bulat (belum di-pechah);
2) Batu di-pechah ukoran 1";
3) Batu di-pechah ukoran 2"; dan
4) Abok batu.

3. Pembekal ada-lah di-minta memberi tahu harga pada tiap2 SA-ELA PADU dari jenis batu2 yang tersebut di-atas termasok mengisi ka-dalam kenderaan. Pembekal ada-lah juga di-minta menyatakan tampat mereka menyediakan batu2 tersebut di-dalam Daerah Brunei dan Muara.

4. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-alamatkan kapada Pejabat Kewangan, Brunei dan hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat dengan di-tulis "TAWARAN MEMBEKALKAN BATU JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA TAHUN 1981" tanpa membuboh nama penerim.

5. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran yang ber-alamat di-atas tidak lewat 2[illegible] Februari, 1981.

6. Kerajaan tidak terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 hendak-lah di-tujukan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 19hb Februari, 1981 bagi membaiki dan menchat Kerusi2 Besi Yang Berkushin P.V.C. sa-banyak 1400 buah.

Butir2 lanjut boleh di-dapati di-Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila2 masa di-waktu pejabat di-buka.

Tawaran2 yang di-terima sa-lepas tarikh yang tersebut di-atas akan di-tolak.

Tawaran2 hendak-lah di-kemukakan di-dalam sampul surat yang bertanda "TAWARAN BAGI MEMBAIKI DAN MENCHAT KERUSI BESI JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA" dan nama pemborong tidak perlu di-nyatakan di-sampul surat. Sampul surat tersebut hendak-lah di-alamatkan kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pegawai Kewangan
Negara,
Bandar Seri Begawan
Brunei.

Kerajaan ada-lah berhak untok menolak tawaran yang rendah atau mana2 tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. PELATEH2 BERITA:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan Li-ma aliran Inggeris. Kebolehan bertutor serta menulis bahasa Inggeris dan Melayu dengan baik merupakan satu kelebeh-an.

**Tugas2:**
Mesti-lah bersedia untok bertugas pada waktu yang tidak di-tetapkan atau saperti yang di-arahkan oleh Ketua Penyunting Berita.

**Tangga Gaji:**
D.1-2 EB.3 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790-825-860-900. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENOLONG PENYUNTING FILEM:

**Kelayakan2 dan Pengalaman**
Lulus Tingkatan III Melayu atau Inggeris dan berkelayak-an professional dalam kerja2 perihal atau senifoto atau pun berpengalaman sekurang2-nya tiga tahun dalam lapangan2 berkaitan dengan talivishen atau sebagai-nya.

**Tugas2:**
Membantu Penyunting2 Filem dalam suntingan2 filem untok talivishen dalam segala lapangan kerja dan mengam-bil aleh sa-bagai penyunting filem apabila di-kehendaki.

**Tangga Gaji:**
D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan per-mohonan ini Satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati da-ripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1981.

(E/684/79 — Bil: 5/1981)

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 1 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th January, 1981 for:—

PROPOSED CONVER-SION OF RESIDENCE TO CLINIC AT JERU-DONG PARK, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 2 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th Janu-ary, 1981 for:—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI SIX (6) UNITS POR-TABLE LUBRICATION EQUIPMENT, SKID MOUNTED.

Tender documents may be seen and all particulars ob-tained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begaawn, Brunei.

### No. 3 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th Janu-ary, 1981, for:—

CONSTRUCTION OF TERMINAL APRON EX-TENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 4 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd Feb-ruary, 1981 for:—

PURCHASE AND RE-MOVAL OF SCRAP PLANTS AND MACHINES.

Tender documents may be seen and all particulars ob-tained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 5 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd February, 1981 for:—

DESLUDGING AND DE-MOLISHING OF DIS-USED SEPTIC TANKS AT BANDAR SERI BE-GAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 6 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th January, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF PROPOSED NEW EX-TENSION OF OFFICE FOR STRUCTURAL SECTION AT ROYAL CUSTOMS BUILDING, BANDAR SERI BEGA-WAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan Brunei.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

CATEGORIES 9 & 32 —
TENDER No. EPS/003-81
Installation of a 3" welded L.P. Gasline and a 3" screwed Industrial Waterline from Lorong 10 Timor along North of Jalan Tengah and West of Lorong 14 Timor to the new rubbish dump.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

### SURAT KUASA PESAKA No. 157/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dali bin Haji Metasim, No. 9, Kampong Kasat, Brunei kerana minta Surat Kuasa ka-pada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Tasim bin Murah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemo-hon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 158/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Karim bin Jamal, No. 79, Kampong Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa ka-pada harta pesaka yang di-punyai oleh Apab binte Saban yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 159/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Asmat bin H.M. Salleh, No. 58, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Nayan bin Besar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemo-hon ia-lah anak kemanakan kapada si-mati.

### No. 160/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Rahman bin Yusof, Ibu Pejabat Pulis, Jalan Ga-dong, Brunei kerana minta Su-rat Kuasa kapada harta pesa-ka yang di-punyai oleh Ma-tassan @ Matassim bin Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

### No. 161/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd Yassin bin Pg Mo-hammad, No. 5, Kampong Pe-kan Lama, Brunei kerana min-ta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg Mohammad bin Pg Md Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Mekah de-ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 162/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohammad bin Damit, Chawangan Pulis Laut, Mua-ra, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Ganal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemo-hon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 163/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Untong bin Haji Kadir, No. 51, Kampong Lurong Se-kuna, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Tuah bin Haji Kadir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kapada si-mati.

### No. 164/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Zainal Abidin bin Mu-hammad, No. 62, Kampong Sungai Tilong, Jalan Muara Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Haji Mohamed bin Tarif yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 165/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tamit bin Gapar, No. 38, Kampong Tanjong Bunut, Batu 9, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Gapar bin Buluk @ Gapor bin Bulok yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 166/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Maimunah binte Ismail @ Munah binte Mail, No. 11, Kampong Setia Pah-lawan Lama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abdullah bin Jafar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

### No. 1/1981

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hidup bin Mayasin, Kampong Tamoi Tengah, Bru-nei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mayasin bin Ab-mad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemo-hon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 2 OF 1981

APPLICATION to this Court having been made by Tan Juat Tien, Lot 2954, Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Leong Yet Teng late of Brunei deceased, on the ground that she is lawful wi-dow of the deceased.

### No. 3/1981

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abu Bakar bin Naim, No. 97, Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Naim bin Umar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Bega-wan, pada 24 haribulan Jan-uari, 1981, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan me-nyaksikan perbicharaan itu pa-da waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hen-dak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar su-rat bantahan kapada Mah-kamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jan-uari, 1981.

## TENDER NOTICE

### THE GOVERNMENT OF HIS HIGHNESS SULTAN OF BRUNEI
### NOTICE OF PREQUALIFICATION TO TENDER AIR-CONDITIONING AND ELECTRICAL INSTALLATIONS PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX, PENANJONG, ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, BRUNEI

Applications are invited from suitably qualified and experienced contractors to register as qualified tenderers for either or both of the above sub-contracts.

I. Air-Conditioning Installation
(1) Total of 290 TR chil-led water systems
(2) Total of 65 TR DX systems
(1) and (2) for 10 Nos. Buildings.

II. Electrical Installation
(a) 2 Nos Workshop, total area 43,000 sq.ft.
(b) 3Nos Vehicle Park/ Service Buildings, total area 58,500 sq.ft.
(c) 5 Nos Training or Office Buildings, total area 61,800 sq.ft.
(d) Miscellaneous Storage Buildings, total area 31,200 sq.ft.

in a Complex of total area approx. 16.4 acres requiring, besides others,
(i) Switchboards and in-dustrial cabling.
(ii) Special light fittings.
(iii) Central Fire Alarm System using Fire re-sistant cables.
(iv) Intercom System.
(v) Frequency Converters and Voltage Stabilisers.
(vi) Security Lighting.
(vii) No-Break Generator Set.

Interested contractors are re-quested to provide full infor-mation in support of their application as follows:—
(1) Previous Experience.
(2) Technical personnal set up and present com-mitments.
(3) Financial Position.

Applications must reach the office of:—
Brisma International, Consultants,
P.O. Box 1363,
B.S. Begawan, Brunei.

before 16th February 1981.

No correspondence will be entered into, and no reasons given other than a notice of rejection if any contractor is disqualified from tendering.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 1 81

Item 1 — One Lot Fittings — Approx. 262 items
Eg. Nipple, Coupling, Tee, Elbow, Cap, Flange Concentric/Eccentric Reducer etc.
Item 2 — Approx. 155 Pc. 6" ANS 900
Spiral Wound Gasket.
Item 3 — One Lot Household Material
Approx. 8 Pc. Washing Basin.
16 Pc. Flushing Tank.
Item 4 — Approx. 6 Bundles Airfield Run Way Netting.
Note: Can possibly be used for Light Cargo Netting.
Item 5 — One Lot Short Pieces and Deteriorated Cable.
Item 6 — One Lot Approx. 46 Pc. Casings and Tubulars.
Casing: 9 Pc. 7" Dia. x + 30'
8 Pc. 8" Dia. x + 20'
3 Pc. 9⅝" Dia. x + 30'
4 Pc. 13" Dia. x + 30'
Tubular: 22 Pc. 18" Dia. x 10'-25'.
Tubular: 22 Pc. 18" Dia. x 10'-25'.
Item 7 — One Lot Approx. 38 Pc. Pipes and Tubulars.
Pipes: 4½" Dia. x 10'-15.
Tubular: 12 Pc. 24" Dia. x + 40'
1 Pc. 30' Dia. x + 40'
9 Pc. 42" Dia. x 10'-15'
Item 8 — One Lot Approx. 134 Pc. Concrete Coated Pipe.
40 Pc. 4" Dia. x + 30'.
70 Pc. 6" Dia. x + 30'
5 Pc. 8" Dia. x 30'-40'
10 Pc. 12" Dia. x 30'-40'
9 Pc. 28" Dia. x 20'-40'.

Note: Items may be viewed at the following places:—
Item 1 LAD Warehouse — BLNG
Items 2-4 SSU Main Warehouse — Seria
Items 5-6 SSU Yard — Seria
Items 7-8 SSU Yard — KB.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must:—
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense within 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right:—
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to:—
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department
   Local Market Development and Disposal Section,
   SERIA.
   (SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 2nd February, 1981. Tenders should be addressed in sealed envelopes to:—
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Supplies Superintendent,
   SERIA.
   "Endorsed: B.S.P. Tender No. 1/81".
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.



YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris.

# BERPELIHARA DARI GOLONGAN YANG CHUBA MENYESATKAN

KUALA BELAIT.—Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris bin Pengiran Muda Abdul Kahar telah menyeru seluroh umat Islam supaya beramal dengan ajaran Islam yang sebenar-nya.

Yang Amat Mulia bersabda demikian di-perhimpunan sempena menyambut hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. yang telah berlangsong di-Padang Kelab Ria Kuala Belait (KBRC) di-sini Ahad lalu.

Orang2 yang berugama Islam sabda Yang Amat Mulia hendak-lah jangan terpesong dari garis2 amalan yang telah di-bawa oleh junjongan besar Muhammad s.a.w. yang telah di-sampaikan kapada kita melalui para ahli ugama yang benar2 lurus.

Sa-bagai umat Islam tambah Yang Amat Mulia kita hendak-lah berpelihara dan menghindarkan diri dari golongan yang chuba mempersendakan amalan dengan tujuan yang tidak jujor demi untok kepentingan mereka.

Golongan yang tidak di-ingini itu sabda Yang Amat Mulia mendakwa diri mereka sa-bagai pendakwah yang sering mengajarkan amalan yang bertokok tambah sambil menchari keuntongan mata benda serta2 lain2 tujuan yang tidak bertanggong-jawab.

Di-samping itu sabda Yang Amat Mulia lagi ada-lah menjadi kewajipan kita semua selaku umat yang ingin mendapat keredhaan Allah agar sentiasa mengamalkan apa yang telah di-tunjokkan oleh junjongan kita.

Semangat mematohi ajaran yang di-bawa oleh junjongan sabda Yang Amat Mulia lagi hendak-nya jangan-lah hanya di-praktikkan semasa tiba-nya tarikh untok memperingati hari lahir Baginda ia-itu di-kala kita mengadakan perhimpunan dan perarakan malah hendak-lah sentiasa di-jadikan kebiasan hidup kita sehari-an.

Menurut Yang Amat Mulia lagi dengan usaha sa-demikian mudah-lah kita menghindarkan diri dari menjadi mangsa orang2 yang hanya chuba menyesatkan dan menimbulkan berbagai malapetaka kapada orang2 yang mudah di-pengarohi.

# Perarakan Maulud Nabi s.a.w.

Dari muka 1

Di-Daerah Brunei Muara perhimpunan yang di-adakan di-kawasan tanah lapang berhadapan dengan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan telah di-sertai oleh lebeh daripada 30 ribu orang dari wakil2 persatuan, sekolah, maktab2, kampong2 dan jabatan2 kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat berchemar Duli untok bersama2 dalam perhimpunan tersebut. Baginda juga telah berkenan untok menyampaikan titah sa-belum perarakan bermula.

Berangkat sama ia-lah YTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan kerabat2 Diraja yang lain.

Sa-belum itu achara pada pagi hari tersebut telah bermula dengan persembahan bachaan Al-Kor'an oleh Awg. Metassim bin Haji Metussin. Juga menyampaikan uchapan sa-bagai sembah alu2an ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Selesai titah kebawah Duli Yang Maha Mulia bachaan 'marhaban' pun di-persembahkan oleh Pehin2 Pegawai2 Masjid bersama ketua2 pasokan yang mengambil bahagian. Ini kemudian di-ikuti oleh tembakan meriam sa-banyak dua belas das sa-baik sahaja sampai ka-peringkat 'Ya Habibi Ya Muhammad' dalam 'Marhaban'.

Untok memperolehi berkat bagi perhimpunan tersebut sa-belum memulakan perarakan do'a selamat telah di-bachakan oleh Sahibol Fadzilah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Sa-baik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat meninggalkan majlis, perarakan pun bermula.

Perarakan yang berjalan sa-jauh kira2 tiga batu mengelilingi Bandar Seri Begawan itu telah di-ketuai oleh Yang Teramat Mula Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah. Menyertai sama dalam perarakan itu ia-lah YTM Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Di-gadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Juga turut serta dalam perarakan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Puteri2 Diraja, kerabat2 Diraja, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan lain2 pembesar2 negara.

Sementara itu bagi Daerah Temburong perarakan yang di-sertai oleh lebeh dari 2 ribu orang yang juga mewakili persatuan2, jabatan2 kerajaan dan sekolah2 telah juga bermula dengan satu perhimpunan di-Padang Sekolah Menengah Sultan Hassan di-Bangar.

# Berhati-hati sa-tiap perkara di-datangkan dari luar

**TEMBURONG. — Brunei bakal menerima kerugian dari akibat perbuatan dan kesilapan atau perangai terburu-buru dalam menerima perkara2 yang di-datangkan dari luar negeri tanpa pertimbangan wajar atau penyiasatan yang rapi.**

"Hendak-lah kita berhati-hati sa-tiap apa saja yang datang dari luar yang tidak kita ketahui latar belakang-nya. Kesilapan2 atau perangai terburu2 dalam menerima perkara2 ini dengan tiada pertimbangan wajar atau penyiasatan rapi hanya akan mengakibatkan kerugian kapada negeri Brunei."

Demikian saranan yang di-lafadzkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz ketika bersabda di-majlis Perhimpunan dan perarakan Maulud bagi umat Islam di-Daerah Temburong yang telah di-langsongkan di-Padang Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar di-sini pada hari Ahad yang lepas.

Ini, tambah Yang Amat Mulia, memandangkan Brunei mempunyai dua unsor yang menarek banyak orang, ia-itu pertama Negeri Brunei mewah dan senang menchari dan mendapatkan penghidupan di-dalam-nya, kedua Brunei merupakan sa-buah negeri Islam yang memegang Islam dengan kuat-nya.

Maka, sabda Yang Amat Mulia sa-lanjut-nya, tidak-lah mustahil jika kedua2 unsor ini di-pergunakan oleh mereka yang tidak bertanggong-jawab, ia-itu menyebarkan sa-suatu fahaman yang di-saluti dengan salutan ugama dengan niat untok mengumpolkan mata benda untok kepentingan diri mereka sendiri.

Untok itu, sabda Yang Amat Mulia, thema sambutan tahun ini yang berbunyi 'Berazam mempertahankan kesuchian Islam' ada-lah semata-mata bertujuan untok menyedarkan umat Islam supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati di-samping memelihara keagongan ugama itu supaya tidak di-peralat oleh mana2 pehak yang tidak bertanggong-jawab.

Jika kita teliti sa-chara terperinchi, tegas Yang Amat Mulia, keruntohan sa-suatu bangsa itu bermula daripada bangsa itu sendiri tidak menjaga maruah dengan melanggar dasar2 dan ajaran2, baik ajaran ugama atau undang2 mereka buat, kerana inginkan keuntongan dunia yang hanya sa-kejap itu.

# 12 pasokan sertai Pertandingan Polo Antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 12 buah pasokan termasok tujoh pasokan dari luar negeri, di-jangka akan menyertai perlawanan Polo Antarabangsa kali ke-4 yang akan di-langsongkan bermula pada hari Khamis 29hb Januari depan.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Polo Brunei dan di-bahagikan kapada dua bahagian: ia-itu low goal bagi merebut Piala Presiden dan high goal bagi merebut Piala Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pasokan2 luar negeri yang di-jangka akan menyertai perlawanan itu ia-lah Selangor, Singapura, Guard Club dan Cirencestar Park kedua2-nya dari United Kingdom, Angkatan Tentera Malaysia (Malaysia Armed Forces), Calatagan dari Filipina dan Pasokan Diraja Pahang (Royal Pahang).

Sementara itu lima buah pasokan tuan rumah yang di-jangka akan menyertai perlawanan itu ia-lah; Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Perdana Wazir, Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Jerudong Park.

Perlawanan bagi low goal akan di-langsongkan selama tiga hari bermula dari hari Khamis 29hb. hingga 31hb. Januari 1981. Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan ini ia-lah Singapura, Selangor, Guard Club dari United Kingdom, Angkatan Tentera Malaysia, Pasokan Kebawah DYMM, Perdana Wazir, Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Jerudong Park.

Sementara perlawanan bagi merebut Piala Sultan ia-itu bagi high goal, yang merupakan kemunchak dari perlawanan Polo Antarabangsa Brunei akan di-langsongkan selama lima hari yang akan bermula pada hari Isnin 23hb. hingga 28hb. Febuari, 1981 bertempat di-Padang Polo Jerudong.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam high goal: Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang akan di-ketuai oleh Kebawah DYMM Sendiri, Pasokan Perdana di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Pasokan Diraja Pahang di-ketuai oleh Pemangku Sultan Pahang, Tengku Abdullah, Pasokan Calatagan dari Filipina, dan Pasokan Cirencestar Park, dari United Kingdom.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Haji Apong, dalam sidang akhbar-nya minggu lalu, menyatakan tujuan perlawanan polo itu di-langsongkan ia-lah untok meninggikan lagi taraf permainan polo di-Brunei di-samping untok menjalinkan persahabatan di-antara pemain2 polo tempatan dan luar negeri



**MASHUARAT bagi mengadakan perlawanan Polo Antarabangsa kali ke-4, yang telah di-langsongkan di JP House, Jalan Tutong, pada hari Sabtu lepas. Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh YAM Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.**

# Islam jalan hidup

PEKAN TUTONG. — Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof telah mengingatkan penting-nya umat Islam sentiasa beringat2 dan nasehat menasehati antara satu dengan yang lain pada menjaga kebaikan ugama, diri sendiri dan kepentingan seluroh orang Islam dalam menghadapi keadaan dunia yang sentiasa berubah2 ini.

Ketika bersabda di-Perhimpunan Raksaksa Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam yang berlangsong di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini Ahad lalu, Yang Amat Mulia sa-terus-nya bersabda, perubahan itu selalu-nya memaksa untok di-ikut dengan tidak menghiraukan akibat2-nya yang timbul kapada mana2 pehak.

Sedangkan, jelas Yang Amat Mulia, perubahan2 yang di-bawa masok ka-dalam masharakat orang Islam itu, di-antara-nya di-negeri kita, bukan-lah semua-nya baik.

**Tetapi bagi mengenal an-tara** yang baik dan burok itu menurut Yang Amat Mulia, tidak semua orang dapat chara-chara-nya dan tidak semua orang faham akan tujuan2-nya, terutama orang2 yang lalai dan terpengaroh dengan sifat2 lahir akan faedah2 yang di-nampakkan di-luar perubahan2 itu.

"Kita umat Islam, ada-lah lebeh dari patut menyedari bahawa Ugama Islam itu sudah chukop untok menjadi pakaian hidup kita sa-hari2. Maka mana2 perkara yang datang atau chuba di-ajarkan kapada kita umat Islam untok di-ikut hendak-lah di-tapis dan di-pereksai supaya jangan ada yang berlawanan dengan jalan yang sudah kita jalani di-negeri ini yang mana jalan Islam ada-lah menjadi jalan hidup kita.

Jikalau sa-kira-nya-lah chara2 baru yang tidak sa-jalan dengan jalan Islam itu juga kita ikuti, maka akhir-nya tidak-lah kita akan sampai ka-mana2, bahkan boleh jadi kita sesat di-tengah jalan," demikian Yang Amat Mulia mengingatkan umat Islam di-perhimpunan pagi itu.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.